A

TEE JUN WEI lwn. INSPEKTOR PARTHIBAN SUNTHARAM & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
ABU BAKAR KATAR H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: JA-44-7-01-2021]
B 27 JUN 2021

TAHANAN PENCEGAHAN: *Habeas corpus – Perintah tahanan – Kesahan – Tangkapan – Kegagalan memberitahu hak pemohon berkomunikasi dengan keluarga atau kawan – Sama ada fatal – Representasi hadapan Lembaga Penasihat – Prosiding dibantu pegawai polis sebagai pembentang fakta kes – Sama ada suatu ketidakpatuhan prosedur – Sama ada bermudarat – Sama ada writ habeas corpus wajar – Akta Pencegahan Jenayah 1959, ss. 4(1)(a), 4(2)(a), 19A(1) – Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014, peraturan 5(4), 9 – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 1A, A. 2 k. 1(3), A. 41 k. 4 – Kanun Tatacara Jenayah, s. 28A – Perlembagaan Persekutuan, per. 151(3)*

Ini adalah permohonan writ *habeas corpus* bagi mencabar suatu perintah tahanan bertarikh 14 September 2020 yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah terhadap pemohon bawah s. 19A Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('Akta'). Di hadapan yang arif hakim, pemohon berhujah secara pentingnya bahawa penahanannya adalah tidak sah oleh kerana: (i) afidavit yang difailkan responden-responden cacat dan perlu ditolak kerana bahagian juratnya tidak bersambungan dengan perkara substantif atau tidak 'spill-over', dan melanggar A. 41 k. 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM'); (ii) perintah reman bawah s. 4 Akta yang dikeluarkan oleh Majistret tidak menepati garis panduan yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Zaidi Kanapiah v. ASP Khairul Fairoz Rodzuan & Other Cases*; (iii) beliau dinafikan hak bawah s. 4(3) Akta dibaca bersama s. 28A Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') kerana tidak dimaklum mengenai haknya untuk berkomunikasi dengan keluarga, saudara mara atau kawan selepas beliau ditangkap oleh responden pertama ('Inspektor Parthiban'); (iv) Lembaga Penasihat gagal mengeluarkan sapina terhadap Inspektor Parthiban yang dipohonnya dan itu menjejaskan representasi beliau; dan (v) kehadiran seorang ASP Rasha semasa pendengaran representasi hadapan Lembaga Penasihat untuk membentangkan fakta kes melanggar peraturan 5(4) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014 ('Peraturan-Peraturan'), sekali gus memudaratkan representasinya. Fakta menunjukkan bahawa walaupun kes *Zaidi Kanapiah* dibangkitkan dalam hujah pemohon, dalam afidavit sokongan dan afidavit sokongan terpindanya, pemohon langsung tidak menyebut mengenai garis panduan yang diberi oleh YA Hakim Vernon dalam kes tersebut sebagai asas pencabarannya terhadap perintah reman bawah s. 4 Akta. Fakta juga menunjukkan bahawa hak pemohon untuk memberitahu tentang

keberadaannya kepada saudara mara atau kawan seperti yang dituntut oleh s. 28A KTJ sememangnya telah diabai oleh responden-responden. Persoalan penting yang berbangkit adalah sama ada dalam hal keadaan yang wujud, penahanan pemohon adalah tidak sah, berakibat suatu writ *habeas corpus* wajar dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi di sini.

Diputuskan (mengeluar writ *habeas corpus*; membebaskan pemohon):

(1) Kecacatan pada afidavit responden-responden seperti yang didakwa, jika pun wujud, dapat dipulihkan bawah A. 1A dan A. 2 k. 1(3) KKM. Walaupun bahagian jurat afidavit-afidavit tersebut tidak bersambungan dengan bahagian matan atau 'spill over', ia bukan alasan untuk menolaknya. Berdasarkan KKM serta autoriti kes, semua afidavit responden dibenarkan untuk diterima dalam permohonan ini. (perenggan 20, 23 & 26)

(2) Berdasarkan afidavit jawapan Inspektor Parthiban, dakwaan bahawa tiada dokumen dikemukakan di hadapan Majistret semasa permohonan reman 21 hari dan 38 hari jelas tertangkis. Responden-responden telah mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh s. 4 Akta. Walau apapun, pemohon tidak boleh bergantung kepada prosedur yang disaran oleh Hakim Vernon HMP dalam kes *Zaidi Kanapiah* kerana, dalam afidavit-afidavitnya, pemohon gagal menyatakan prosedur tersebut sebagai alasan mencabar perintah reman. Maka kes *Zaidi Kanapiah* tidak boleh diguna sebagai senjata untuk mencabar perintah reman berkenaan. (perenggan 49, 50 & 52)

(3) Pindaan kepada s. 4(3) Akta telah menjadikan s. 28A KTJ sebagai prosedur wajib dalam pematuhan reman s. 4 Akta. Oleh itu, kegagalan Inspektor Parthiban menerangkan hak pemohon untuk memberitahu di mana keberadaannya kepada saudara mara atau kawan seperti yang diperuntuk oleh s. 28A KTJ adalah terjumlah kepada ketidakpatuhan peruntukan s. 4(3) Akta. Kegagalan tersebut adalah bermudarat, dan menjadi alasan memadai untuk mencabar perintah tahanan serta untuk writ *habeas corpus* dikeluarkan. (perenggan 57 & 59-61)

(4) Lembaga Penasihat mempunyai budi bicara bawah peraturan 8A Peraturan-Peraturan (Pindaan) untuk mengeluar sapina kepada mana-mana saksi. Walaupun begitu, kegagalan Lembaga Penasihat mengeluarkan sapina atas Inspektor Parthiban tidak menjejaskan proses representasi pemohon dan tidak bercanggah dengan per. 151(3) Perlembagaan Persekutuan. (perenggan 95 & 98)

(5) Peraturan 9 Peraturan-Peraturan memberi budi bicara luas kepada Lembaga Penasihat untuk menetapkan tatacara pendengaran representasi. Ini termasuklah untuk membenarkan mana-mana pegawai polis hadir semasa pendengaran tersebut. Dalam konteks kes pemohon, kehadiran ASP Rasha untuk membentangkan fakta kes adalah

dibenarkan mengikut peraturan 9(2)(b) Peraturan-Peraturan. Kehadirannya tidak menyebabkan representasi di hadapan Lembaga Penasihat bercanggah dengan peraturan 5(4) Peraturan-Peraturan. (perenggan 101 & 104)

(6) Semua isu yang dibangkitkan pemohon adalah tidak bermerit kecuali ketidakpatuhan kepada s. 4(3) Akta, khususnya kegagalan responden-responden memberitahu hak pemohon untuk berhubung dengan saudara atau kawan di bawah s. 28A(2) KTJ. Alasan ini sahaja sudah mencukupi untuk mahkamah membenarkan permohonan dan mengeluarkan writ *habeas corpus* bagi membebaskan pemohon. (perenggan 120 & 121)

Kes-kes yang dirujuk:

Amirul Syuib Sulaiman lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Yang Lain [2021] 1 LNS 226 HC ***(dirujuk)***

Anilkumar Balakrishnan v. Suganthi Vengadasalam [2018] 1 LNS 73 HC ***(dirujuk)***

Aw Ngoh Leang v. Inspector General of Police & Ors [1993] 1 CLJ 373 SC ***(dirujuk)***

Chan Yee v. Chan Yoke Fong [1990] 2 CLJ 737; [1990] 1 CLJ (Rep) 36 SC ***(dirujuk)***

Chong Meng Siang lwn. Lembaga Pencegahan Jenayah Malaysia & Yang Lain [2020] 1 LNS 1208 HC ***(dirujuk)***

Chua Kian Voon v. Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2020] 1 CLJ 747 FC ***(dirujuk)***

Diljit Kaur Puran Singh v. Majlis Peguam Malaysia [2014] 4 CLJ 836 HC ***(dirujuk)***

Doraisamy Raju v. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors [2019] 1 LNS 1326 HC ***(dirujuk)***

Gani Meyang v. Superintendent & Ors [2016] 1 LNS 1253 HC ***(dirujuk)***

Ghanesh Periasamy & Ors v. Glamjaya Sdn Bhd & Ors [2017] 1 LNS 1897 HC ***(dirujuk)***

Government Of Malaysia v. Lim Kit Siang & Another Case [1988] 1 CLJ 219; [1988] 1 CLJ (Rep) 63 SC ***(dirujuk)***

Indira Gandhi Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors And Other Appeals [2018] 3 CLJ 145 FC ***(dirujuk)***

Jayaganesan Ramakrishnan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2019] 9 CLJ 725 FC ***(dirujuk)***

Kanagasingam Anantham v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2019] 7 CLJ 600 CA ***(dirujuk)***

L Rajanderan R Letchumanan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2010] 7 CLJ 653 FC ***(dirujuk)***

Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] 3 CLJ 914 FC ***(dirujuk)***

Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***

Lim Keat Lee lwn. Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors [2020] 1 LNS 1922 HC ***(dirujuk)***

Lim Wen Jeng v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors [2009] 1 CLJ 686 FC ***(dirujuk)***

Lock Wee Kock v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor [1993] 4 CLJ 211 SC ***(dirujuk)***

Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Yang Lain v. Krishnan Muniandy (Rayuan Jenayah No: 05(HC)-91-09-2020(B)) (Unreported) ***(dirujuk)***

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam & Another Case [1993] 4 CLJ 336 SC ***(dirujuk)***

Mohamad Ezam Mohd Noor v. Ketua Polis Negara & Other Appeals [2002] 4 CLJ 309 FC ***(dirujuk)***

Mohd Faizal Haris v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] 4 CLJ 613 FC ***(dirujuk)***
Muhamad Rafee Jamil v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2019] 1 LNS 1478 HC ***(dirujuk)***
Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2006] 4 CLJ 687 FC ***(dirujuk)***
Muhin Krshnaa Lachmanan lwn. Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain [2020] 1 LNS 1109 HC ***(dirujuk)***
N Ramakrishnan P Nagasamy v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2008] 7 CLJ 480 HC ***(dirujuk)***
Ng Hong Choon v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Satu Lagi [1994] 4 CLJ 47 SC FC ***(dirujuk)***
Pendaftar Pertubuhan v. Datuk Justine Jinggut [2013] 2 CLJ 362 FC ***(dirujuk)***
Pengusaha, Tempat Tahanan Perlindungan Kamunting, Taiping & Ors v. Badrul Zaman PS Md Zakariah [2018] 8 CLJ 273 FC ***(dirujuk)***
Poa Jac Ky v. Deputy Home Minister, Malaysia & Anor [2020] 1 LNS 1410 HC ***(dirujuk)***
PP v. Chean Hua Sey & Ors [2008] 9 CLJ 657 HC ***(dirujuk)***
PP v. Tan Sri Eric Chia Eng Hock [2005] 1 LNS 110 HC ***(dirujuk)***
Praveeinrahj Senthilvasan lwn. Lembaga Pencegahan Jenayah & Satu Lagi [2020] 1 LNS 487 HC ***(dirujuk)***
Rovin Joty Kodeeswaran v. Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors And Other Appeals [2021] 4 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Salihudin Hj Ahmad Khalid & Ors v. Pendaftar Pertubuhan Malaysia & Anor [2020] 2 CLJ 849 CA ***(dirujuk)***
See Kok Kol v. Chong Kui Seng & Ors And Another Appeal [2010] 2 CLJ 481 CA ***(dirujuk)***
Semenyih Jaya Sdn Bhd v. Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat & Another Case [2017] 5 CLJ 526 FC ***(dirujuk)***
SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2009] 6 CLJ 705 FC ***(dirujuk)***
Tan Kiat Wei v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2018] 1 LNS 399 HC ***(dirujuk)***
Teo Wei Ping v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & 2 Lagi (Rayuan Jenayah No: 05(HC)-159-11-2020 (B)) (Unreported) ***(dirujuk)***
Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v. Ong Beng Chuan [2006] 4 CLJ 703 HC ***(dirujuk)***
Tirumeniyar Singara Veloo v. Malaysian Motor Insurance Pool [2017] 8 CLJ 682 CA ***(dirujuk)***
Vimal Raj Kumarasamy v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2017] 1 LNS 2081 HC ***(dirujuk)***
Voon Mow Chen v. Menteri Dalam Negeri & Anor And Other Cases [1993] 4 CLJ 195 HC ***(dirujuk)***
Wan Muhd Ridhuan Wan Abdullah v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Anor [2019] 1 LNS 1894 HC ***(dirujuk)***
Yap Chian Loon lwn. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia [2007] 1 LNS 198 HC ***(dirujuk)***
Yoganathan Rengen lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Yang Lain [2020] 1 LNS 2030 HC ***(dirujuk)***
Zaidi Kanapiah v. ASP Khairul Fairoz Rodzuan & Ors And Other Appeals [2021] 5 CLJ 581 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 28A(2)(a), (b), 108A, 323
Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, ss. 3(3), 5(4), 14
Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 5, 1969, s. 9
Federal Constitution, arts. 5(3), 151(1)(a), (3)
Interpretation Acts 1948 and 1967, s. 54(2)
Prevention of Crime (Advisory Board Procedure) Regulations 2014, regs. 3(2), 5(4), 9(1), (2)(b)
Prevention of Crime Act 1959, ss. 3, 4(1)(a), (2)(a)(i), (3), 4A, 8, 9(1), 10(2), 10A, 12, 15B, 19A, 21A, First Schedule Part 1 paras. 1, 2
Rules of Court 2012, O. 1A, O. 2 rr. 1(3), 3, O. 41 rr. 1(5), 4
Societies Act 1966, s. 18C

Bagi pihak pemohon - Foo Fang Leong & Veeranesh Babu Kumaresan; T/n Freda Sabapathy & Co
Bagi pihak responden - Muhamad Safuan Azhar & Norazlin Mohamad Yusoff; Peguam Persekutuan

Dilaporkan oleh Wan Sharif Ahmad

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar H:

Pendahuluan

[1] Ini merupakan satu permohonan writ of *habeas corpus* oleh pemohon yang kini sedang ditahan di Pusat Pemulihan Khas Simpang Renggam, Johor di bawah satu perintah tahanan bertarikh 14 September 2020. Perintah tahanan dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ) di bawah peruntukan s. 19A Akta Pencegahan Jenayah 1959 ("Akta itu").

[2] Sebelum pendengaran bermula, pihak-pihak menzahirkan persetujuannya agar keputusan dalam Permohonan Jenayah No: JA-44-7-01-2021 mengikat keputusan yang lainnya iaitu Permohonan Jenayah No: JA-44-8-01-2021. Pihak-pihak bersetuju ia membabitkan isu yang sama bagi mencabar perintah tahanan bertarikh 14 September 2020 (perintah tahanan tersebut).

[3] Di akhir pendengaran, mahkamah ini telah membenarkan lampiran [1] dan [12] yang difailkan oleh pemohon. Responden-responden yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Persekutuan, Malaysia.

Latar Belakang Kes

[4] Pemohon telah ditangkap oleh Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam di bawah s. 3 Akta itu pada 5 Ogos 2020 sebagaimana Laporan Polis Taman Pelangi: 006787-2020 (eks. "PS-1"). Pemohon kemudiannya pada 6 Ogos 2020 telah dibawa ke hadapan Tuan Mohd Zaki bin Haji Abd Rahman, Majistret, Mahkamah Majistret Johor Bahru, Johor Darul Takzim

(Tuan Majistret itu) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 4(1) Akta itu. Tuan Majistret itu telah mengeluarkan perintah reman selama 21 hari mulai 6 Ogos 2020 hingga 26 Ogos 2020.

[5] Seterusnya, pemohon telah dibawa sekali lagi ke hadapan Tuan Majistret yang sama untuk sambungan reman. Beliau telah mengeluarkan perintah reman selama 38 hari mulai 26 Ogos 2020 hingga 2 Oktober 2020 selaras dengan peruntukan s. 4(2)(a)(i) Akta itu.

[6] Sebaik perintah reman tersebut dikeluarkan, ia telah dimaklumkan kepada pegawai inkuiri iaitu Encik Mohd Fauzi bin Abu Hassan yang dilantik mengikut peruntukan s. 8 Akta itu. Pada 3 September 2020, pegawai inkuiri telah menjalankan inkuiri ke atas pemohon di Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai, Johor Darul Takzim.

[7] Pada 9 September 2020, pegawai inkuiri telah menyediakan satu dapatan di bawah s. 10(2) Akta itu yang menyatakan pemohon seorang yang namanya boleh dimasukkan di dalam daftar jenayah. Dapatan tersebut bersama-sama Borang I telah diserahkan kepada pemohon oleh Encik Azmi bin Mahat, pegawai yang menjaga, Pusat Pemulihan Khas, Simpang Renggam pada 15 September 2020.

[8] Pemohon telah mengisi Borang I tersebut dan menyerahkan kepada Lembaga Penasihat mengikut peraturan 3(2) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014 (Peraturan-Peraturan itu).

[9] Kemudiannya pada 14 September 2020 jam 9.30 pagi, LPJ telah memaklumkan kepada Timbalan Pendaftar Jenayah iaitu pemohon termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan di bawah perenggan 2, Bahagian I, Jadual Pertama kepada Akta itu.

[10] LPJ berpuas hati perintah tahanan tersebut perlu dibuat ke atas pemohon bagi tujuan kepentingan ketenteraman awam dan pencegahan jenayah. LPJ telah mengeluarkan perintah tahanan tersebut ke atas pemohon selama dua tahun mulai 14 September 2020 di Pusat Pemulihan Khas, Simpang Renggam, Kluang, Johor Darul Takzim.

Merit Permohonan Pemohon

[11] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu-isu yang diketengahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar bagi mencabar perintah tahanan tersebut, mahkamah ini berpendapat ia memadai bagi menyelusuri sejarah, ruang lingkup dan signifikannya writ of *habeas corpus* sebagaimana yang diperincikan dalam kes *Chua Kian Voon v. Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2020] 1 CLJ 747. YA Mohd Zawawi Salleh HMP dalam penghakimannya di perenggan [6] hingga [20] telah meletakkan asas panduan

yang amat berguna dan perlu dipatuhi dalam menggarap permohonan sebegini. Mahkamah ini tidak berhasrat untuk memetik perenggan-perenggan tersebut bagi mengelakkan pengulangan.

[12] Berbekalkan panduan yang digariskan dalam kes *Chua Kian Voon* (*supra*), mahkamah ini akan menghalusi dan menimbangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak dalam permohonan ini iaitu:

(i) isu awalan berkaitan afidavit responden-responden yang dikatakan cacat dan tidak mematuhi kehendak undang-undang;

(ii) sama ada tangkapan serta penahanan ke atas pemohon sah di sisi undang-undang;

(iii) sama ada perintah tersebut yang dikeluarkan di bawah s. 19A Akta itu teratur dan sah dari segi undang-undang;

(iv) sama ada wujudnya ketidakpatuhan peraturan 3, Peraturan-Peraturan itu;

(v) sama ada pemohon dinafikan hak representasi yang adil dan berkesan;

(vi) kelewatan pegawai penyiasat polis mengemukakan laporan lengkap penyiasatan kepada LPJ bercanggah dengan s. 3 dan 4A Akta itu. Juga, kelewatan pegawai inkuiri KDN memulakan siasatan dan kelewatan menyediakan laporan inkuiri bercanggah dengan s. 9 dan s. 10 Akta itu.

(alasan ini lebih kepada Permohonan Jenayah No: JA-44-8-01-2021)

Bagi Isu (i):

Penghujahan Oleh Peguam Pemohon Yang Terpelajar

[13] Secara ringkasnya peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan afidavit jawapan yang difailkan oleh responden-responden cacat atas dua alasan utama iaitu:

(i) Semua afidavit responden-responden yang difailkan terdapat kecacatan kerana bahagian jurat tidak bersambungan dengan perkara substantive atau tidak "spill over". Peguam pemohon yang terpelajar bergantung kepada kes Mahkamah Tinggi iaitu *Voon Mow Chen v. Menteri Dalam Negeri & Anor And Five Other Cases* [1993] 4 CLJ 195 dan *Gani Meyang v. Superintendent & Ors* [2016] 1 LNS 1253 sebagai nas-nas sandarannya.

(ii) Afidavit jawapan oleh Inspektor Penjara Thayabaran a/l Kaly Sitthan (lampiran (21)) yang diikrarkan pada 25 Februari 2021 di perenggan 3 merujuk kepada notis usul terpinda dan afidavit sokongan terpinda bertarikh 1 Mac 2021 yang belum difailkan dalam CMS. Responden-responden dihujahkan sepatutnya memfailkan afidavit jawapan pembetulan, sebaliknya responden-responden memfailkan afidavit jawapan yang lainnya (lampiran (8)) yang diikrarkan pada 29 Mac 2021.

[14] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan dalam permohonan *habeas corpus* ia bergantung kepada afidavit. Pematuhan yang ketat perlu dipatuhi sebagaimana yang disarankan dalam kes *SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2009] 6 CLJ 705.

[15] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan terdapat ketidakpatuhan atas afidavit responden-responden dan memohon ianya ditolak untuk pertimbangan mahkamah ini. Beliau menghujahkan kecacatan afidavit ini bercanggah dengan A. 41 k. 1(5) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [KKM] dan ianya bukan kecacatan yang boleh dipulihkan.

Penghujahan Oleh Peguam Persekutuan [PP] Yang Terpelajar

[16] PP yang terpelajar secara ringkasnya menghujahkan semua afidavit termasuk afidavit jawapan yang diikrarkan oleh Inspektor Penjara Thayabaran a/l Kaly Sitthan (lampiran (21)) ianya tidak cacat. Responden-responden bergantung kepada A. 1A KKM dan A. 2 k. 3 KKM dan menghujahkan untuk mahkamah ini menolak isu awalan (a) yang dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar.

[17] PP yang terpelajar merujuk kes *Muhin Krshnaa Lachmanan lwn. Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain* [2020] 1 LNS 1109 di mana dalam kes *habeas corpus* isu teknikal diketepikan dan lebih kepada merit apabila melibatkan kebebasan individu. PP yang terpelajar turut menghujahkan pemohon dalam afidavit balasan (lampiran (25)) yang diikrarkan oleh peguamnya tidak pernah mempertikaikan afidavit yang diikrarkan oleh Inspektor Penjara Thayabaran a/l Kaly Sitthan yang diikrarkan pada 24 Mei 2021 dan juga 29 Mac 2021. Kegagalan ini menyebabkan pemohon tidak boleh mengemukakan isu awalan khasnya isu afidavit yang diikrarkan oleh Inspektor Penjara Thayabaran a/l Kaly Sitthan (lampiran (21)) yang dikatakan cacat.

Pendapat Mahkamah Ini

[18] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu (a) yang dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar, eloklah dijenguk kembali pendekatan yang diambil dalam menggarap permohonan *habeas corpus* ianya berpandukan kepada keterangan secara afidavit. Prinsip ini diputuskan dalam kes tersohor iaitu *Ng Hong Choon v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Satu Lagi* [1994] 4 CLJ 47 yang menyatakan:

> [3] It is more practical to treat *habeas corpus* proceedings as being neither strictly criminal nor civil but as proceedings which are civil in form and criminal in substance. **In matters relating to the format and procedural rules as to the use of affidavits**, O. 54 of the Rules of the High Court and other related provisions may be resorted to but the proceedings must be conducted with the strictness of a criminal trial.

[19] Mahkamah ini sedar peguam pemohon yang terpelajar membangkitkan isu awalan ini bagi membolehkan semua afidavit responden yang difailkan termasuk afidavit jawapan oleh Inspektor Penjara Thayabaran a/l Kaly Sitthan di lampiran (21) ditolak oleh mahkamah. Sekiranya bantahan awalan ini diterima, secara tersirat permohonan *habeas corpus* tidak dicabar oleh responden-responden.

[20] Berbalik kepada isu awalan yang dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar berkaitan isu jurat tidak bersambungan atau "spill over". Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PP yang terpelajar, kecacatan ini jika ada ia dapat dipulihkan mengikut A. 1A KKM dan A. 2 k. 1(3) KKM.

[21] Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan A. 1A KKM yang berbunyi seperti berikut:

> Dalam mentadbir Kaedah-Kaedah ini, mahkamah atau seorang Hakim hendaklah memberi perhatian pada kepentingan utama keadilan dan tidak hanya kepada ketidakpatuhan teknikal dengan Kaedah-Kaedah ini.

[22] Selanjutnya A. 2 k. 1(3) KKM memperuntukkan seperti berikut:

> (3) Mahkamah atau Hakim boleh, atas alasan bahawa telah berlakunya suatu ketidakpatuhan yang sedemikian sebagaimana yang disebut dalam perenggan (1), dan atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang difikirkan adil oleh mahkamah atau Hakim, dengan mengambil kira objektif utama Kaedah-Kaedah ini, menjalankan budi bicaranya di bawah Kaedah-Kaedah ini untuk membenarkan apa-apa pindaan, sekiranya ada, untuk dibuat dan membuat apa-apa perintah, sekiranya ada, dalam menguruskan prosiding itu secara umum sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah atau Hakim untuk membetulkan ketidakteraturan itu.

[23] Mahkamah ini berpendapat walaupun afidavit responden-responden bahagian jurat tidak bersambungan dengan bahagian matan atau "spill over", ianya bukan alasan untuk menolak afidavit-afidavit berkenaan sebagaimana yang cuba diketengahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar sebagai isu awalan. Mahkamah ini berpendapat A. 1A KKM dengan jelas menitikberatkan kepada keadilan dan bukannya isu teknikal semata-mata. Mahkamah ini berpendapat keadilan ini perlu ditimbangkan kepada pemohon dan juga responden-responden. Mahkamah ini juga mempunyai budi bicara di bawah A. 2 k. 1(3) KKM dan A. 41 k. 4 KKM untuk menerima afidavit yang cacat.

[24] Mahkamah ini merujuk kes *Ghanesh Periasamy & Ors v. Glamjaya Sdn Bhd & Ors* [2017] 1 LNS 1897 di mana YA Mohd Nazlan Mohd Ghazali H ada menyentuh isu kecacatan afidavit seperti berikut:

> [51] In any event, even if there were defects, these are certainly curable under Order 1A and Order 2 r. 3 of the RC 2012 for I find they could not even be remotely said to have occasioned a miscarriage of justice to

the plaintiffs (especially when both the plaintiffs and the respondents were allowed to cross examine deponents for the other party under Order 38 r. 2) nor a situation involving an intentional infringement by the second respondent of the rules of Court.

[25] Selanjutnya, mahkamah ini merujuk kes *Anilkumar Balakrishnan v. Suganthi Vengadasalam* [2018] 1 LNS 73 YA Hayatul Akmal Abdul Aziz PK (ketika itu) ada menzahirkan pandangannya berkaitan afidavit yang cacat seperti berikut:

[19] I wish to refer to O. 41 r. 4 RC 2012 which provides that an affidavit may, with leave of the court, be filed or used in evidence notwithstanding any irregularity in the form thereof. In *Re Liow Fong Mooi ex p Malayan Banking Bhd* [2000] 6 CLJ 63; [2000] 6 MLJ 146, it was held that an omission to state the name of the deponent in the jurat is a defect which goes to the form only and not the substance of the affidavit. However, it is settled that there is no need for jurat if the deponent is not illiterate in Bahasa Malaysia or English or blind. None of the parties herein had raised the issue of understanding Bahasa Malaysia as the medium for all the affidavits and neither their signatures are in Tamil script (see *EIC Clothing Sdn Bhd v. Patricia Lim Yam Ngoon, Patricia* [1995] 1 LNS 64; [1995] MLJU 12; *S. Ravi a/l G Suppiah v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1995] 2 CLJ 152; [1994] MLJU 399). I am therefore of the considered view that any alleged irregularities in the said affidavits are technical defects which goes to the form only and not the substance of the affidavit and therefore this court can consider those affidavits in the interest of justice and the fair disposal of this OS.

[26] Mahkamah ini bersetuju dengan prinsip-prinsip yang diputuskan dalam kes *Anilkumar Balakrishnan* (*supra*) dan *Ghanesh Periasamy* (*supra*), mahkamah ini berpendapat semua afidavit responden dibenarkan untuk diterima dalam permohonan ini. Mahkamah ini menolak bantahan awalan (a) atas isu jurat yang "spill over".

[27] Berkaitan afidavit jawapan yang diikrarkan oleh Inspektor Penjara Thayabaran a/l Kaly Sitthan yang diikrarkan pada 25 Februari 2021 (lampiran (21)), mahkamah ini berpendapat kecacatan tersebut boleh diterima berpandukan A. 1A KKM, A. 2 k. 1(3) KKM dan A. 41 k. 4 KKM sebagaimana isu jurat. Mahkamah ini telah menimbangkan Inspektor Penjara Thayabaran a/l Kaly Sitthan telah memfailkan afidavit jawapan yang lainnya iaitu pada 29 Mac 2021 (lampiran (18)) dan ketika ini notis usul terpinda (lampiran (12)) telah diserahkan ke atas responden-responden. Mahkamah ini turut menimbangkan semasa pengurusan kes di hadapan Penolong Kanan Pendaftar mahkamah ini, tindakan pemohon seolah-olah tidak mempertikaikan apa-apa pemfailan afidavit jawapan oleh responden-reponden. Sehubungan itu tidak berbangkit isu kelewatan memfailkan afidavit jawapan oleh responden-responden.

[28] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini menolak bantahan awalan di isu (a) berkaitan afidavit yang dikatakan cacat.

Bagi Isu (ii):

Penghujahan Oleh Peguam Pemohon Yang Terpelajar

[29] Peguam pemohon yang terpelajar bergantung kepada keputusan kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Zaidi Kanapiah v. ASP Khairul Fairoz Rodzuan & Ors And Other Appeals* [2021] 5 CLJ 581 dan menghujahkan perintah reman (eks. "PS-2" dan "PS-4") yang dikeluarkan oleh Tuan Majistret di bawah s. 4 Akta itu tidak sah dan bertentangan dengan garis panduan yang diputuskan oleh YA Datuk Vernon HMP dalam penghakiman majoriti.

[30] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan berdasarkan kes *Zaidi Kanapiah* (*supra*), keputusan sebulat suara memutuskan perintah reman perlu dilihat secara berterusan dan ia tidak terputus walaupun perintah tahanan tersebut telah dikeluarkan oleh LPJ. Pemohon tidak terhad kepada cabaran atas perintah semasa sebagaimana nas-nas duluan iaitu *Mohd Faizal Haris v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] 4 CLJ 613; *L Rajanderan R Letchumanan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 7 CLJ 653 dan *Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2006] 4 CLJ 687.

[31] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan Tuan Majistret yang membenarkan reman gagal mematuhi garis panduan yang disarankan oleh YA Vernon HMP dalam penghakiman majoriti kes *Zaidi Kanapiah* (*supra*) khasnya di perenggan [144] dan [146]. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan bagi mempastikan Tuan Majistret itu mematuhi garis panduan yang disarankan oleh YA Vernon HMP, beliau menjemput mahkamah ini untuk melihat prosiding reman iaitu JA-89-2929-08-2020 bertarikh 6 Ogos 2020 dan JA-89-2929-08-2020 bertarikh 26 Ogos 2020. Mahkamah ini digesa untuk menggunakan kuasa semakan yang diperuntukkan di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah [KTJ] dan kes-kes berkaitan kuasa semakan iaitu *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163; [1987] 2 MLJ 69 dan *PP v. Tan Sri Eric Chia Eng Hock* [2005] 1 LNS 110; [2006] 4 MLJ 697 sebagai nas sandarannya.

[32] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan mahkamah ini terikat dengan keputusan *Zaidi Kanapiah* (*supra*). Beliau tidak bersetuju dengan hujahan PP yang terpelajar yang menyatakan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Zaidi Kanapiah* (*supra*) merupakan *per incuriam* dan tidak perlu diikuti. Mahkamah ini turut dirujuk kes Mahkamah Agung dalam kes *Chan Yee v. Chan Yoke Fong* [1990] 2 CLJ 737; [1990] 1 CLJ (Rep) 36 ada merungkai doktrin *per incuriam*. Selanjutnya dihujahkan YA Vernon HMP semasa memutuskan garis panduan reman di bawah s. 4 Akta itu bukannya membuat undang-undang sebagaimana yang cuba dilontarkan oleh PP yang terpelajar dalam hujahannya apabila dikatakan Mahkamah

Persekutuan gagal menimbangkan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] 3 CLJ 914. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan YA Vernon HMP sekadar membuat tafsiran pemakaian s. 4 Akta itu apabila Tuan Majistret menimbangkan permohonan reman perlu dilakukan secara kehakiman.

[33] Peguam pemohon yang terpelajar secara alternatif menghujahkan sekiranya mahkamah ini tidak bersamanya, beliau bergantung kepada alasan-alasan lainnya iaitu:

(i) Pemohon dinafikan haknya di bawah s. 28A KTJ khasnya pemohon tidak dimaklumkan haknya untuk berkomunikasi dengan keluarga, saudara mara atau kawan, tiada afidavit diikrarkan oleh L/Koperal Wanita Caren Kong Wui yang mengesahkan hak di bawah s. 28A KTJ diterangkan kepada pemohon, tiada bukti dokumen yang menunjukkan sebab-sebab tangkapan diterangkan dan hak di bawah s. 28A KTJ diterangkan kepada pemohon, Laporan Polis Taman Pelangi: 006787/2020 (eks. "PS-1") tidak membuktikan hak di bawah s. 28A KTJ diterangkan, alasan-alasan yang mewajarkan inkuiri dijalankan dan eks. "PS-1" tidak boleh diterima sebagai keterangan kerana bercanggah dengan s. 108A KTJ. Laporan polis ini tidak disahkan sebagai salinan sah oleh pegawai yang menjaga balai polis. Beliau merujuk kes *Mohamad Ezam Mohd Noor v. Ketua Polis Negara & Other Appeals* [2002] 4 CLJ 309 iaitu kegagalan mematuhi per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan iaitu hak untuk akses kepada seorang peguam.

(ii) Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan mengikut perintah reman di bawah s. 4(1) dan s. 4(2) Akta itu, pemohon diletakkan di dalam lokap Balai Polis Skudai (eks. "PS-2" dan "PS-4"). Sebaliknya mengikut afidavit yang diikrarkan oleh Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam dan afidavit yang diikrarkan oleh Tan Chun Seong, pemohon diletakkan di dalam lokap Ibu Pejabat Kontinjen [IPK] Johor. Selanjutnya dihujahkan pemohon ditahan secara salah di IPK Johor tidak mematuhi perintah reman yang dikeluarkan oleh Tuan Majistret.

Penghujahan Oleh PP Yang Terpelajar

[34] Bagi isu (b) PP yang terpelajar secara ringkasnya memohon mahkamah ini untuk membezakan fakta kes *Zaidi Kanapiah* (*supra*) dengan fakta kes semasa. PP yang terpelajar menghujahkan keputusan *Zaidi Kanapiah* (*supra*) yang memutuskan isu reman di bawah s. 4 Akta itu sebagai *per incuriam*. Beliau merujuk kes *Government Of Malaysia v. Lim Kit Siang & Another Case* [1988] 1 CLJ 219; [1988] 1 CLJ (Rep) 63; [1988] 2 MLJ 12 dan *Diljit Kaur Puran Singh v. Majlis Peguam Malaysia* [2014] 4 CLJ 836; [2015] 7 MLJ 695 berkaitan doktrin *per incuriam*.

[35] PP yang terpelajar secara khususnya menghujahkan YA Vernon HMP dalam kes *Zaidi Kanapiah* (*supra*) semasa memutuskan prosedur reman s. 4 Akta itu tidak menimbangkan keputusan Mahkamah Persekutuan yang terdahulu iaitu kes *Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] 3 CLJ 914. Dalam kes *Lee Kew Sang* (*supra*) memutuskan dalam permohonan *habeas corpus* persoalan tertumpu kepada pematuhan prosedur dan bukannya tugas mahkamah untuk mencipta undang-undang. PP yang terpelajar menghujahkan keputusan *Zaidi Kanapiah* (*supra*) seolah-olah YA Vernon HMP mencipta undang-undang khasnya semasa menimbangkan permohonan reman di bawah s. 4 Akta itu.

[36] PP yang terpelajar merujuk kes *Salihudin Hj Ahmad Khalid & Ors v. Pendaftar Pertubuhan Malaysia & Anor* [2020] 2 CLJ 849 di mana Mahkamah Rayuan membezakan keputusan terdahulu Mahkamah Persekutuan dalam kes *Semenyih Jaya Sdn Bhd v. Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat & Another Case* [2017] 5 CLJ 526 dan kes *Indira Gandhi Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors And Other Appeals* [2018] 3 CLJ 145. Dalam kedua-dua kes yang dirujuk di atas Mahkamah Persekutuan tidak merujuk penghakiman dalam kes *Pendaftar Pertubuhan v. Datuk Justine Jinggut* [2013] 2 CLJ 362 yang memutuskan di bawah peruntukan s. 18C Akta Pertubuhan 1966 Mahkamah Tinggi tiada bidang kuasa untuk memutuskan hal pertikaian pertubuhan. Secara analogi, PP yang terpelajar memohon agar keputusan *Zaidi Kanapiah* (*supra*) berkaitan isu reman dibezakan dan tidak diikuti oleh mahkamah ini.

[37] Sebaliknya dalam hujahan alternatif peguam pemohon, bagi isu (i) PP yang terpelajar secara ringkasnya menghujahkan afidavit yang diikrarkan oleh Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam di perenggan 14 dengan jelas memperincikan hak pemohon di bawah s. 28A KTJ. PP yang terpelajar menghujahkan laporan polis (eks. "PS-1"] ada mencatatkan pemohon telah diberikan hak-haknya di bawah s. 28A KTJ semasa tangkapan. Berkaitan cabaran pemohon tidak diberitahu hak berkomunikasi dengan keluarga, saudara mara atau kawan, kegagalan L/Koperal Wanita Caren Wong Kong Wui memfailkan afidavit, tiada bukti dokumen yang menunjukkan hak pemohon di bawah s. 28A KTJ dipatuhi, laporan polis yang tidak ditandatangani dan alasan-alasan tangkapan diberitahu secara umum, PP yang terpelajar menghujahkan pemohon tidak mencabar isu-isu berkenaan selepas afidavit oleh Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam difailkan. Kegagalan berbuat demikian terjumlah kepada penerimaan oleh pemohon. Mahkamah ini dirujuk kes *See Kok Kol v. Chong Kui Seng & Ors And Another Appeal* [2010] 2 CLJ 481.

[38] Berkaitan isu (ii), PP yang terpelajar menghujahkan berdasarkan afidavit yang diikrarkan oleh Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam di perenggan 17 dan 23 dan afidavit yang diikrarkan oleh Tan Chun Seong di perenggan 17 secara jelas menunjukkan pemohon ditahan di Lokap Balai

Skudai sebagaimana perintah reman di eks. "PS-2" dan "PS-4". Pemohon berada di IPK Johor semasa penyerahan perintah tahanan tersebut pada 14 September 2020 jam 8.05 malam. PP yang terpelajar menghujahkan isu (ii) ini tidak bermerit.

Pendapat Mahkamah Ini

[39] Mahkamah ini berpendapat bagi isu (ii) ini, peguam pemohon yang terpelajar melontarkan cabarannya bergantung kepada keputusan *Zaidi Kanapiah* (*supra*) di mana YA Vernon HMP telah meletakkan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh Tuan Majistret itu semasa menimbangkan permohonan reman di bawah s. 4 Akta itu.

[40] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu ini dengan lebih lanjut, eloklah dirujuk kembali penghakiman YAA Ketua Hakim Negara dalam kes *Zaidi Kanapiah* (*supra*) telah merubah lanskap permohonan *habeas corpus* apabila memutuskan peringkat tahanan awal dan perintah semasa merupakan satu proses yang berkesinambungan dan bukannya terputus. Beliau dalam penghakimannya tidak mengikuti prinsip-prinsip terdahulu yang diputuskan dalam kes-kes *Mohd Faizal Haris (supra)*, *L Rajendran R Letchumanan (supra)* dan *Mohammad Jailani Kasim (supra)* yang mendokong prinsip cabaran tidak boleh dilakukan di peringkat tangkapan atau siasatan sebaliknya terhad atau tertumpu kepada perintah semasa. Sebaliknya YAA Ketua Hakim Negara dalam penghakimannya setelah membuat penelitian secara mendalam menoktahkan nukilannya seperti berikut:

> [231] Given the weight of authorities, I hold with respect that *Ezam* is the correct decision and the one that ought to be followed. *Faizal Haris, Rajanderan And Other Cases* such as *Kerajaan Malaysia & Ors v. Nasharuddin Nasir* [2004] 1 CLJ 81 and *Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2006] 4 CLJ 687 (and any other related decisions) that came after and departed from *Ezam* are no longer good law and cannot be relied upon for the academic point raised by the respondents.

[41] Secara tersiratnya prinsip-prinsip yang disemai dan tumbuh dengan suburnya dalam kes-kes pra *Zaidi Kanapiah (supra)* yang mewarnai dunia kehakiman di Malaysia telah terkubur dengan sendirinya tanpa pusara.

[42] Berbalik kepada kes pemohon, peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan YA Vernon HMP dalam kes *Zaidi Kanapiah (supra)* telah meletakkan tatacara yang perlu dipatuhi oleh Tuan Majistret dalam menimbangkan permohonan reman di bawah s. 4(1) Akta itu. Eloklah dirujuk kembali apakah tatacara yang perlu dipatuhi. Beliau dalam penghakimannya di perenggan [146] menyatakan:

> [146] If the arrest was carried out in accordance with law, the Magistrate should then proceed to satisfy himself that the sub-s. 4(1) written statement contains sufficient facts and particulars to substantiate the grounds for believing that the name of the person should be entered on the Register. The relevant matters to be considered include the following:

A (i) whether there are sufficient facts and particulars to show in what manner the person arrested has acted or is about to act in relation to the matter for which he has been arrested;

(ii) whether there are sufficient facts and particulars to show in what manner the person arrested is a member of a substantial body of
B persons* to cause, or to cause a substantial body of citizens to fear, organised violence against persons or property; *(e.g., a cartel, syndicate, association, gang, triad, or group)

(iii) whether the written statement has identified which particular registrable category in Part I of the First Schedule the person should be registered under;
C

(iv) whether the action or threatened action falls within that particular registrable category;

(v) whether the registrable category identified in the written statement is the same as that stated in the arresting officer's police diary under
D sub-s. 3(1); and

(vi) whether the written statement discloses any reasonable grounds to support the belief that the name of the person arrested should be entered on the Register;

[43] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan Tuan Majistret itu
E gagal mematuhi garis panduan yang diputuskan dalam kes *Zaidi Kanapiah (supra)* sekali gus perintah reman yang dikeluarkan iaitu eks. "PS-2" dan "PS-4" bercanggah dengan peruntukan s. 4 Akta itu dan pemohon semestinya dibebaskan dengan serta-merta.

[44] Berbalik kepada kes pemohon, mahkamah ini telah meneliti afidavit
F sokongan (lampiran (2)) dan afidavit sokongan terpinda (lampiran (13) yang diikrarkan oleh peguam pemohon (setelah bantahan oleh PP yang terpelajar ditolak berkaitan isu tanda tangan dalam afidavit sokongan), pemohon langsung tidak menjadikan garis panduan yang diberikan oleh YA Vernon HMP dalam kes *Zaidi Kanapiah* (*supra*) sebagai asas cabaran reman s. 4 Akta
G itu. Sebaliknya pemohon menggunakan alasan yang berbeza seperti yang tercatat di perenggan 7 dan 8 bagi afidavit sokongan (lampiran (3)) dan perenggan 11 dan 12 afidavit sokongan terpinda (lampiran (13)). Bagi kemudahan rujukan, diperturunkan perenggan-perenggan berkenaan seperti berikut:

H (7) [11] Pada 06.08.2020, semasa pemohon dibawa ke Mahkamah Majistret, Johor Bahru untuk permohonan reman selama 21 hari, pihak polis gagal mengemukakan pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada seorang Inspektor sepertimana disyaratkan dengan Seksyen 4(1)(a) Akta 297.

I (8) [11] Pada 26.08.2020, semasa pemohon dibawa ke Mahkamah Majistret, Johor Bahru untuk permohonan reman selama 38 hari, pihak polis gagal mengemukakan pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh

Pendakwa Raya atau seorang Timbalan Pendakwa Raya serta pernyataan bertulis yang ditandatangani seorang yang berpangkat tidak rendah daripada seorang Penolong Penguasa (Assistant Superintendent) sepertimana disyaratkan dengan Seksyen 4(2)(a) Akta 297.

Nota

( ) merujuk Afidavit Sokongan

[ ] merujuk Afidavit Sokongan Terpinda

[45] Peguam pemohon yang terpelajar dalam kes semasa dalam afidavit sokongan dan afidavit sokongan terpinda secara khusus merujuk kepada kegagalan pihak polis mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan bagi permohonan reman di bawah s. 4(1)(a) dan s. 4(2)(a) Akta itu. Di peringkat ini, mahkamah akan meneliti afidavit yang berkaitan bagi menentukan sama ada telah dipatuhi atau sebaliknya.

[46] Mahkamah ini merujuk afidavit jawapan yang diikrarkan oleh Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam (lampiran (18)] di perenggan 6 ada menyatakan sesalinan pernyataan bertulis pegawai polis telah dikemukakan kepada mahkamah semasa permohonan reman di bawah s. 4(1)(a) untuk tempoh 21 hari sebagaimana eks. "PS-3". Perenggan 6 ada menyatakan seperti berikut:

6. Semasa prosiding di hadapan Majistret Tuan Mohd Zaki Bin Haji Abd. Rahman pada 06-08-2020, satu Pernyataan Bertulis Pegawai Polis dibawah seksyen 4(1)(a) Akta tersebut yang menyatakan bahawa adanya alasan-alasan untuk mempercayai bagi nama pemohon dimasukkan ke dalam Daftar telah disediakan dan ditandatangani oleh saya telah dikemukakan kepada mahkamah. Sesalinan Pernyataan Bertulis Pegawai Polis di bawah subseksyen 4(1)(a) Akta tersebut bertarikh 06-08-2020 telah ditandatangani oleh saya dan yang saya rujuk dilampirkan dan ditandakan sebagai eks. "PS-3" dalam Afidavit saya ini.

[47] Begitu juga di perenggan 9 dan 10 afidavit yang sama secara jelasnya dinyatakan dokumen yang berkaitan iaitu sesalinan pernyataan bertulis Timbalan Pendakwa Raya yang ditandatangani oleh TPR Tuan Yusaini Amer bin Abdul Karim mengikut s. 4(2)(a)(i) Akta itu telah dikemukakan sebagai eksh. "PS-5". Begitu juga pernyataan bertulis pegawai polis bagi maksud s. 4(2)(a) Akta itu telah dikemukakan sebagai eksh. "PS-6" telah ditandatangani oleh ASP Polis Yeap Heng Kian.

[48] Bagi kemudahan rujukan, diperturunkan perenggan 9 dan 10 yang berkaitan:

9. Semasa prosiding di hadapan Majistret Tuan Mohd Zaki Bin Haji Abd. Rahman pada 26-08-2020, satu Pernyataan Bertulis Timbalan Pendakwa Raya yang telah ditandatangani oleh TPR Tuan Yusaini Amer Bin Abdul Karim pada 26-8-2020 telah dikemukakan yang menyatakan pendapatnya bahawa terdapat keterangan yang mencukupi untuk mewajarkan satu inkuiri di bawah seksyen 9 Akta tersebut. Sesalinan Pernyataan Bertulis

Timbalan Pendakwa Raya di bawah subseksyen 4(2)(a)(i) Akta tersebut yang telah ditandatangani oleh TPR Tuan Yusaini Amer Bin Abdul Karim, Timbalan Pendakwa Raya dilampirkan dan ditunjukkan sebagai eks. "PS-5" dalam Afidavit saya ini.

10. Turut dikemukakan dalam prosiding tersebut adalah Pernyataan Bertulis Pegawai Polis di bawah subseksyen 4(2)(a) Akta tersebut yang telah ditandatangani oleh Asisten Superintenden Polis Yeap Heng Kian pada 26-08-20202 yang menyatakan satu inkuiri hendak diadakan berkenaan kes pemohon di bawah seksyen 9 Akta tersebut. Sesalinan Pernyataan Bertulis Pegawai Polis di bawah subseksyen 4(2)(a) Akta tersebut yang telah ditandatangani oleh Asisten Superintenden Polis Yeap Heng Kian dilampirkan dan ditandakan di sini sebagai eks. "PS-6" dalam Afidavit saya ini.

[49] Berdasarkan afidavit jawapan oleh Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam khasnya di perenggan-perenggan yang dirujuk sebentar tadi, ia secara jelas menangkis dakwaan peguam pemohon yang terpelajar yang kononnya tiada dokumen dikemukakan di hadapan Majistret semasa permohonan reman 21 hari dan 38 hari. Mahkamah ini berpendapat responden-responden telah mematuhi prosedur yang ditetapkan di bawah s. 4 Akta itu.

[50] Di peringkat ini juga, mahkamah ini berpendapat pemohon tidak dibenarkan bergantung kepada prosedur yang disarankan oleh YA Vernon HMP dalam kes *Zaidi Kanapiah* (*supra*) kerana pemohon gagal menyatakan sebagai alasan-alasan mencabar perintah reman di bawah s. 4 Akta itu di dalam afidavit sokongan (lampiran (3)) dan afidavit sokongan terpinda (lampiran (13)).

[51] Sekali gus mahkamah ini tidak berhasrat untuk menyentuh hujahan PP yang terpelajar iaitu penghakiman kes *Zaidi Kanapiah* (*supra*) yang dihujahkan sebagai *per incuriam* berkaitan garis panduan oleh YA Vernon HMP dalam penghakimannya sehingga memutuskan tatacara reman gagal dipatuhi secara kehakiman oleh Majistret dan menyebabkan tidak sah dan bertentangan dengan s. 4 Akta itu. Mahkamah ini berpendapat isu *per incuriam* akan disentuh di forum yang lainnya.

Bagi Isu Alternatif (i):

[52] Memandangkan mahkamah ini berpendapat alasan-alasan cabaran pemohon atas reman tidak dinyatakan dalam afidavit sokongan dan afidavit sokongan terpinda, keputusan *Zaidi Kanapiah* (*supra*) tidak boleh digunakan sebagai senjata untuk mencabar perintah reman ke atas pemohon.

[53] Mahkamah ini akan beralih cabaran peguam pemohon yang terpelajar secara alternatif (i). Secara ringkasnya, peguam pemohon mempertikaikan pemohon tidak diberi haknya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 28A KTJ. Pemohon dinafikan haknya di bawah s. 28A KTJ khasnya pemohon tidak dimaklumkan haknya untuk berkomunikasi dengan keluarga,

saudara mara atau kawan, tiada afidavit diikrarkan oleh L/Koperal Wanita Caren Kong Wui yang mengesahkan hak di bawah s. 28A KTJ diterangkan kepada pemohon, tiada bukti dokumen yang menunjukkan sebab-sebab tangkapan diterangkan dan hak di bawah s. 28A KTJ diterangkan kepada pemohon, Laporan Polis Taman Pelangi: 006787-2020 (eks. "PS-1") tidak membuktikan hak di bawah s. 28A KTJ diterangkan, alasan-alasan yang mewajarkan inkuiri dijalankan dan eks. "PS-1" tidak boleh diterima sebagai keterangan kerana bercanggah dengan s. 108A KTJ. Laporan polis ini tidak disahkan sebagai salinan sah oleh pegawai yang menjaga balai polis. Beliau merujuk kes *Mohd Ezam Mohd Noor v. Ketua Polis Negara & Other Appeals* [2002] 4 CLJ 309 iaitu kegagalan mematuhi per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan iaitu hak untuk akses kepada peguam.

[54] Mahkamah ini berpendapat peguam pemohon yang terpelajar bergantung kepada kegagalan pihak responden-responden khasnya Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam iaitu pegawai tangkapan memberitahu hak-hak pemohon yang diperuntukkan di bawah s. 4(3) Akta itu berkaitan pemakaian s. 28A KTJ.

[55] Bagi kemudahan rujukan, diperturunkan peruntukan s. 4(3) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> (3) Except as provided in subsection 9(5), the provisions of section 28A of the Criminal Procedure Code shall apply to any person remanded under section 4.

[56] Mahkamah ini turut merujuk penghakiman YA Vernon HMP dalam kes *Zaidi Kanapiah* (*supra*) ada memperincikan perkara-perkara awalan yang perlu dipertimbangkan oleh Majistret semasa permohonan reman di bawah s. 4(1) Akta itu. Beliau dalam penghakimannya menyatakan:

> Matters To Be Considered In An Application For Remand Under SubSection 4(1) POCA 1959
>
> [144] The Magistrate must be satisfied that the arrest was carried out in accordance with law – see art. 5(3) FC and s. 28A CPC. This is done by questioning the person arrested and perusing the police diary:
>
> (i) That the person was produced before the Magistrate within 24 hours of arrest (sub-s. 3(2) POCA 1959);
>
> (ii) That the person arrested was informed of the grounds of his arrest by the police officer making the arrest (art. 5(3) FC);
>
> (iii) *That before commencing any questioning or recording of any statement, the police officer has informed the person of his right: (a) to communicate with a relative or friend to inform of his whereabouts; and (b) to communicate and consult and be defended by a legal practitioner of his choice (s. 28A CPC)*;
>
> (iv) That the police diary discloses sufficient facts and particulars to support the arresting officer's belief that "grounds exist which would justify the holding of an inquiry into the case of the person

A arrested" under sub-s. 3(1) POCA 1959. The grounds should also corroborate the belief that the person is a member of any of the registrable categories under Part I of the First Schedule POCA;

(v) The registrable category in question should be clearly stated in the police diary.

B **[57]** Mahkamah ini berpendapat salah satu perkara awalan yang perlu dipertimbangkan ialah peruntukan s. 28A KTJ perlu dipatuhi. Pindaan kepada s. 4(3) Akta itu telah menjadikan s. 28A KTJ sebagai prosedur wajib dalam permohonan reman s. 4 Akta itu.

C **[58]** Berbalik kepada kes pemohon sekarang, mahkamah ini telah meneliti afidavit jawapan yang diikrarkan oleh Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam (lampiran (18)) berkaitan pematuhan s. 4(3) Akta itu khasnya s. 28A KTJ. Mahkamah ini merujuk perenggan 4 yang menyatakan:

> 4. ... Pemohon juga telah diberitahu tentang hak pemohon untuk diwakili
D peguam sebagaimana peruntukan seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah dalam Bahasa Malaysia dan kemudiannya telah diterjemahkan kepada pemohon oleh Lans Koperal Wanita Caren Kong Wui dalam bahasa Mandarin. Pemohon telah mengaku memahami penerangan **saya telah dimaklumkan kepada pemohon berkaitan alasan penangkapan pemohon di bawah Akta tersebut serta hak pemohon untuk diwakili peguam**
E **sebagaimana peruntukan seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah** melalui terjemahan oleh Lans Koperal Wanita Caren Kong Wui dalam bahasa Mandarin. Sesalinan Laporan Polis (No. Repot: Taman PELANGI/ 006787/20] dilampirkan dan ditandakan sebagai eks. "PS-1" dalam Afidavit saya ini. **Pemohon telah mengaku memahami penerangan yang telah dimaklumkan kepada pemohon berkaitan alasan penangkapan**
F **pemohon di bawah Akta tersebut**. (penekanan ditambah)

[59] Mahkamah ini berpendapat Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam dalam afidavitnya lebih menumpukan kepada hak pemohon untuk diwakili peguam bagi maksud s. 28A(2)(b) KTJ. Beliau gagal menerangkan hak pemohon untuk diberitahu di mana keberadaannya kepada saudara atau
G kawan yang diperuntukkan dalam s. 28A(2)(a) KTJ.

[60] PP yang terpelajar menghujahkan hak pemohon di bawah s. 28A KTJ telah pun diberitahu semasa tangkapan sebagaimana yang terdapat dalam laporan polis (eks. "PS-1"). Mahkamah ini telah meneliti laporan tangkapan tersebut, malangnya tiada apa-apa catatan yang menyatakan hak pemohon di
H bawah s. 28A(2)(a) dan (b) KTJ telah dipatuhi. Kegagalan ini terjumlah kepada ketidakpatuhan peruntukan s. 4(3) Akta itu.

[61] Mahkamah ini tidak berhasrat untuk menyentuh isu alternatif (ii), isu alternatif (i) sudah memadai untuk dijadikan alasan untuk mencabar perintah tahanan tersebut dan writ *habeas corpus* dikeluarkan. Berdasarkan kepada
I ketidakpatuhan s. 4(3) Akta itu yang mandatori khasnya perlanggaran untuk memberitahu hak pemohon untuk berhubung dengan saudara atau kawan yang diperuntukkan di bawah s. 28A(2)(a) KTJ.

Bagi isu (iii):

Penghujahan Oleh Peguam Pemohon Yang Terpelajar

[62] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan pengataan fakta kepada perintah tahanan (eks. "ARS-2") tidak menunjukkan pemohon boleh didaftarkan bawah Jadual Pertama kepada s. 12 Akta itu. Afidavit responden khasnya Abdul Rasid bin Sudin, Pengerusi, LPJ yang bercanggah dengan kesalahan pemohon yang dinyatakan dalam pengataan fakta. Peguam pemohon yang terpelajar menarik perhatian mahkamah ini kepada afidavit berkaitan yang hanya merujuk kesalahan yang didaftarkan di Bahagian I, perenggan 2 kepada Jadual Pertama. Sebaliknya pengataan fakta yang disediakan oleh Penolong Setiausaha, LPJ (eks. "ARS-2") dicatatkan Bahagian I, perenggan 1 dan perenggan 2 kepada Jadual Pertama. Dihujahkan LPJ yang bersidang gagal menimbangkan secara cermat apakah kesalahan pemohon iaitu perenggan 1 dan perenggan 2 atau perenggan 2 sahaja. Selanjutnya dihujahkan percanggahan pengataan fakta ini menjejaskan perintah tahanan atas pemohon.

[63] Mahkamah ini dirujuk per. 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan di mana ditekankan kepentingan pengataan fakta ini disandarkan oleh LPJ semasa mengeluarkan perintah tahanan tersebut. Beliau merujuk kes *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam And Another Case* [1993] 4 CLJ 336 yang memutuskan sebarang keraguan berkaitan keputusan YB Menteri berkaitan cabang yang mana perlu diberi manfaat kepada subjek. Dalam konteks kes semasa, LPJ ketika mengeluarkan perintah tahanan ke atas pemohon terdapat keraguan iaitu berdasarkan perenggan 1 dan perenggan 2 Bahagian I kepada Jadual Pertama atau perenggan 2 semata-mata LPJ mengeluarkan perintah tahanan. Pada akhirnya dihujahkan sebarang keraguan yang timbul perlu diberikan manfaat kepada pemohon.

Penghujahan Oleh PP Yang Terpelajar

[64] Secara ringkasnya PP yang terpelajar menghujahkan tiada sebarang percanggahan berkaitan penglibatan pemohon menganggotai ahli kongsi gelap dengan perbuatan jenayah harta benda. Kedua-duanya termasuk dalam kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Jadual Pertama. LPJ mengeluarkan perintah tahanan tersebut berdasarkan pengataan fakta sebagaimana yang dinyatakan dalam eks. "ARS-2". Selanjutnya dihujahkan terdapat typo dalam afidavit yang difailkan dan dihujahkan kesilapan menaip ini tidak menjejaskan keseluruhan perintah tahanan yang dikeluarkan ke atas pemohon. Beliau merujuk kes-kes *PP v. Chean Hua Sey & Ors* [2008] 9 CLJ 657 dan *Wan Muhd Ridhuan Wan Abdullah v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Anor* [2019] 1 LNS 1894 sebagai nas sandaran berkaitan kesan kesilapan menaip.

[65] PP yang terpelajar pada akhirnya bagi isu (iii) ini menghujahkan mahkamah ini tidak boleh mempersoalkan fakta pengataan di mana LPJ mengasaskan perintahnya. Sebarang cabaran yang cuba dibawa oleh peguam pemohon yang terpelajar terkeluar daripada ruang lingkup yang dibenarkan di bawah s. 15B Akta itu. Mahkamah ini dirujuk kes-kes *Lee Kew Sang* (*supra*) dan *Rovin Joty Kodeeswaran v. Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors And Other Appeals* [2021] 4 CLJ 1 yang memutuskan cabaran terhad kepada ketidakpatuhan prosedur dan tidak boleh mempersoalkan pengataan fakta.

Pendapat Oleh Mahkamah Ini

[66] Mahkamah ini berpendapat bagi isu (iii), peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan terdapat percanggahan pengataan fakta (eks. "ARS-2") di mana ianya dijadikan asas LPJ mengeluarkan perintah tahanan di bawah s. 19A Akta itu. Sebaliknya afidavit yang diikrarkan oleh Abdul Rashid bin Sudin, Pengerusi, LPJ (lampiran (15)) di perenggan 7, 8, 9, 12, 13, 16, 22, 23 dan 26 mencatatkan "perenggan 2, Bahagian I kepada Jadual Pertama".

[67] Setelah diamati eks. "ARS-2" mencatatkan seperti berikut:

> AKTA PENCEGAHAN JENAYAH 1959 (AKTA 297)
>
> NAMA PENUH : TEE JUN WEI
>
> NO K/P : 980825-56-5089
>
> ALASAN YANG ATASNYA PERINTAH ITU DIBUAT:
>
> Penama adalah ahli kumpulan kongsi gelap yang terlibat dalam jenayah khianat dan harta benda di Johor. Oleh itu, penama adalah termasuk dalam Katogeri Yang Boleh Didaftarkan, Perenggan 1 dan Perenggan 2, Bahagian I, Jadual Pertama, Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297). perintah tahanan adalah perlu dibuat ke atas penama bagi tujuan kepentingan ketenteraman awam dan pencegahan jenayah.

[68] Mahkamah ini berkesempatan meneliti pengataan-pengataan fakta yang perintah itu diasaskan, pada tarikh-tarikh yang dinyatakan pemohon telah membaling empat bungkus plastik yang mengandungi cat merah ke rumah mangsa dan menampal notis amaran di pagar rumah. Apabila diteliti fakta-fakta ia lebih menjurus penglibatan pemohon dalam ahli kumpulan kongsi gelap Jit It Hai iaitu perenggan 1, Bahagian I kepada Jadual Pertama.

[69] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan terdapat percanggahan berkaitan pengataan fakta (eks."ARS-2") yang menyatakan perenggan 1 dan perenggan 2. Sebaliknya dalam afidavit pengerusi, LPJ di perenggan-perenggan yang disebut menyatakan perenggan 2 semata-mata iaitu kesalahan jenayah khianat dan ugut. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan apabila berlaku percanggahan sebegini, minda LPJ tidak menumpukan kepada fakta yang betul dan ia menjejaskan perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah s. 19A Akta itu.

[70] Mahkamah ini berpendapat LPJ melalui afidavit Abdul Rasid bin Sudin, Pengerusi, LPJ secara terperinci telah menyatakan prosedur yang dipatuhi. LPJ telah mematuhi peruntukan s. 10A Akta itu sehinggalah LPJ memutuskan perintah tahanan di bawah s. 19A Akta itu (sila rujuk perenggan 26).

[71] Mahkamah ini berpendapat s. 15B Akta itu dengan jelasnya memperuntukkan apakah yang boleh dicabar dalam semakan kehakiman dan ia terarah kepada ketidakpatuhan prosedur yang ditetapkan di bawah Akta itu. Pemohon dalam kes semasa tidak boleh mencabar keputusan LPJ yang menyatakan kesalahan pemohon termasuk dalam Bahagian I, perenggan 1 dan perenggan 2 dalam pengataan fakta (eks."ARS-2"). Walaupun dihujahkan terdapat kekaburan apabila afidavit pengerusi LPJ hanya merujuk Bahagian I, perenggan 2 kepada Jadual Pertama.

[72] Mahkamah ini merujuk kes *Chua Kian Voon v. Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2020] 1 CLJ 747 di mana YA Mohd Zawawi Salleh HMP ada menyentuh isu yang sama tetapi membabitkan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 seperti berikut:

> [80] Before departing from the present appeal, we would like to emphasise that under the provision of 1985 Act, non-compliance with any procedural requirements are the only safeguard available to detenu **since the court is not allowed to go beyond the subjective satisfaction of the Minister**. Therefore, the procedure requirements must be strictly and faithfully complied with. (emphasis added)

[73] Pendekatan yang sama juga diikuti dalam menimbangkan cabaran YB Menteri melibatkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA). YA Ramly Ali HMP dalam kes *Pengusaha, Tempat Tahanan Perlindungan Kamunting, Taiping & Ors v. Badrul Zaman PS Md Zakariah* [2018] 8 CLJ 273 menzahirkan pandangannya seperti berikut:

> (2) Judicial review, which is essentially a creature of the common law, can be excluded by an Act of Parliament, if it is specifically provided for and the words used are unmistakably explicit. The ouster clauses in ss. 8B(1) and 8C of the ISA restrict and limit the grounds upon which challenges to the Minister's exercise of discretion could be premised. The exercise of the Minister's discretion in issuing orders for detention could not be questioned in courts of law except on the issue of non-compliance with the procedural requirements. The ouster clauses are not unconstitutional. The respondent's action clearly fell under ss. 8B(1) and 8C of the ISA. Therefore, the court had no jurisdiction and could not exercise any jurisdiction to deal with the respondent's claim. Question 1 was answered in the negative. The proceedings, decisions and orders of the High Court and the Court of Appeal were null and void and of no effect. It could not be allowed to stand. (paras 40, 43, 52, 53)

[74] Akhirnya, mahkamah ini merujuk kes *L Rajanderan R Letchumanan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 7 CLJ 653 di mana YA Abdull Hamid Embong HMP menyatakan:

> *The court is also not concerned with the vagueness, sufficiency or relevancy of the grounds of detention which is the sphere of the subjective exercise of the Minister's discretion under the various executive detention legislations unless mala fide on his part is shown.*
>
> (emphasis added)

[75] Berpandukan prinsip-prinsip yang diputuskan dalam nas-nas duluan yang dirujuk sebelum ini, mahkamah ini berpendapat pemohon tidak dibenarkan mempertikaikan sebarang keputusan LPJ sebagaimana yang cuba dihujahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar bagi isu (iii). Pemohon terikat dan terhad cabarannya kepada ketidakpatuhan prosedur sebagaimana diperuntukkan dalam s. 15B Akta itu. Mahkamah ini berpendapat isu (iii) ini tidak bermerit dan tidak menyebelahi pemohon.

Bagi Isu (iv):

Penghujahan Oleh Peguam Yang Terpelajar

[76] Secara ringkasnya, peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan responden-responden gagal mematuhi peraturan 3, Peraturan-Peraturan itu khasnya Borang I gagal diterangkan kepada pemohon melalui terjemahan jurubahasa Mandarin. Juga dalam eks."AM-2", jurubahasa tidak menurunkan tanda tangannya. Selanjutnya dihujahkan terdapat keraguan sama ada Borang I telah diserahkan kepada Setiausaha, LPJ. Mengikut afidavit Azmi bin Mahat (lampiran (20)) perenggan 15 menyatakan Borang I difaks kepada Lembaga Penasihat pada 17 September 2020 secara faks (eks."AM-2"). Sebaliknya mengikut afidavit Jasmawani bte Ibrahim di perenggan 4 mengesahkan ada menerima Borang I melalui faks walaupun tiada bukti penerimaannya. Sebagai perbandingannya dalam Permohonan Jenayah No: JA-44-8-01-2021, walaupun faks ada bukti penerimaannya. Afidavit jawapan oleh Thayabaran a/l Kaly Sitthan cacat dan tidak perlu ditimbangkan.

[77] Menurut peguam pemohon yang terpelajar, kegagalan mematuhi peraturan 3, Peraturan-Peraturan itu terjumlah kepada ketidakpatuhan prosedur mandatori (mahkamah ini dirujuk kes-kes *Aw Ngoh Leang v. Inspector General of Police & Ors* [1993] 1 CLJ 373; *Jayaganesan Ramakrishnan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2019] 9 CLJ 725; [2019] 6 MLJ 697; *Chua Kian Voon* (*supra*); dan *Muhamad Rafee Jamil v. Menteri Dalam Negeri & Ors* [2019] 1 LNS 1478; [2019] MLJU 1605. Selanjutnya dihujahkan peraturan 3 Peraturan-Peraturan itu bersifat mandatori dan kegagalan mematuhi menjejaskan perintah tahanan (*N Ramakrishnan P Nagasamy v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2008] 7 CLJ 480; [2008] 8 MLJ 680).

Penghujahan Oleh PP Yang Terpelajar

[78] PP yang terpelajar menghujahkan tiada keperluan untuk Thayabaran a/l Kaly Sitthan menandatangani ruangan jurubahasa atas Borang I, juga tiada keperluan untuk memotong ruangan "dibacakan/terjemahkan" pada Borang I. Afidavit jawapan oleh Azmi bin Mahat secara jelasnya peraturan 3, Peraturan-Peraturan itu dipatuhi. Berkaitan penerimaan Borang I oleh Lembaga Penasihat ia tidak dipertikaikan telah diterima. Lembaga Penasihat akhirnya telah menetapkan beberapa kali tarikh pendengaran representasi iaitu pada 7 Oktober 2020, 2 November 2020, 18 November 2020 dan akhirnya pada 2 Disember 2020.

Pendapat Mahkamah Ini

[79] Pemohon dalam afidavit sokongan terpinda (lampiran (13)) ada membangkitkan isu Borang 1 yang tidak diterangkan kepada pemohon bagi membolehkan mengemukakan representasi ke Lembaga Penasihat. Pemohon di perenggan 31 menyatakan:

> 31. Saya diarahkan oleh pemohon bahawa apabila beliau tiba di PPK Simpang Renggam, beliau tidak diterangkan atau dimaklumkan tentang hak-hak beliau untuk membuat representasi secara bertulis melalui Borang I yang disediakan apabila tiada Jurubahasa Mandarin yang bertauliah menerangkan isi kandungan Borang I kepada pemohon serta hak pemohon untuk menyatakan alasan-alasan representasinya dalam Borang I tersebut serta kertas-kertas tambahan sekiranya diperlukan.

[80] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu (iv) ini dengan lebih lanjut, eloklah diperturunkan peraturan 3, Peraturan-Peraturan itu yang berbunyi seperti berikut:

> (1) When any detained person is brought to a place of detention in pursuance of a detention order, the Officer-in-Charge shall inform the detained person, as soon as practicable after his arrival, of his right to make representations against the detention order within the time and in the manner provided in these Regulations.
>
> (2) When informing a detained person of his right to make representations, the Officer-in-Charge shall give to the detained person three copies of Form 1 of the Schedule.
>
> (3) The detained person shall, if he desires to make representations, complete three copies of Form 1 within fourteen days after the date of his arrival at the place of detention to enable the Officer-in-Charge to forward a copy of Form 1 to the Secretary.

[81] Mahkamah ini telah meneliti afidavit sokongan terpinda, pemohon tidak mempertikaikan Borang 1 telah pun dimajukan ke LPJ. Afidavit oleh Azmi bin Mahat merupakan pegawai yang menjaga Pusat Pemulihan Khas di perenggan 15 telah mengesahkan Borang I difakskan ke Lembaga Penasihat pada 17 September 2020.

[82] Bagi kemudahan rujukan, diperturunkan perenggan 15 yang menyatakan:

> 15. Pada 17-09-2020, pemohon kemudiannya telah menyerahkan 2 salinan Borang I di bawah Peraturan-Peraturan tersebut yang telah dinyatakan di perenggan 9 di atas kepada saya. Saya kemudiannya telah mengemukakan Borang I tersebut melalui faks kepada Lembaga Penasihat pada 17-09-2020. Tindakan saya ini telah dilaksanakan dengan kesegeraan yang praktik. Borang I tersebut yang dirujuk adalah seperti yang dilampirkan sebagai ekhsibit "AM-2" dalam Afidavit saya ini.

[83] Mahkamah ini berpendapat pemohon mendakwa tidak diterangkan haknya untuk membuat representasi dalam Borang I. Mahkamah ini berpendapat afidavit Thayabaran a/l Kaly Sitthan telah mengesahkan bertindak sebagai jurubahasa Mandarin telah menerangkan hak pemohon untuk mengemukakan representasi ke Lembaga Penasihat bagi maksud peraturan 3 Peraturan-Peraturan tersebut. Walaupun Thayabaran a/l Kaly Sitthan tidak menandatangani ruangan jurubahasa dan memotong "dibacakan/diterjemahkan" atas Borang I, ia tidak menjejaskan hak pemohon untuk mengemukakan representasi. Mahkamah ini berpuas hati pemohon faham apa yang diterangkan oleh jurubahasa. Mahkamah ini merujuk Borang I yang diisikan oleh pemohon jelas membuktikan pemohon faham haknya untuk mengemukakan representasi ke Lembaga Penasihat:

> Saya Tee Jun Wei ... yang bernama di atas dengan ini membuat representasi terhadap perintah tahanan saya seperti berikut:
>
> > Saya mohon pihak tuan dapat memberi saya sekatan di luar ke rumah emak saya kerana emak dan adik tidak bekerja.

[84] Mahkamah ini berpendapat sekiranya diteliti secara menyeluruh afidavit Azmi bin Mahat, Jasmawani bte Ibrahim dan Thayabaran a/l Kaly Sitthan, tatacara peraturan 3, Peraturan-Peraturan itu khasnya berkaitan Borang I telah pun dipatuhi. Bermula daripada penyerahan tiga salinan Borang I sehinggalah pemohon mengisi Borang I. Selanjutnya pegawai yang menjaga Pusat Pemulihan Khas, Simpang Renggam menghantar faks ke Setiausaha, Lembaga Penasihat. Mahkamah ini turut menimbangkan representasi pemohon telah pun akhirnya didengar oleh Lembaga Penasihat yang bersidang pada 2 Disember 2020. Mahkamah ini berpendapat isu (iv) ini tidak memihak kepada pemohon.

Bagi Isu (v):

(i) Sama ada pemohon berhak untuk memperoleh dokumen-dokumen yang tidak bertentangan dengan s. 21A Akta itu;

(ii) Kegagalan Lembaga Penasihat mengeluarkan sepina ke atas Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam becanggah dengan peraturan 8A Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) (Pindaan) 2015 itu;

(iii) Sama ada kehadiran ASP Rasha Azwadi bin Shafiii semasa persidangan representasi di hadapan Lembaga Penasihat bercanggah dengan peraturan 5(4), Peraturan-Peraturan itu.

Bagi Isu v(a):

[85] Peguam pemohon yang terpelajar secara ringkasnya menghujahkan kegagalan responden-responden membekalkan dokumen yang dipohon oleh pemohon menjejaskan haknya semasa membuat representasi di hadapan LPJ. Responden-responden tidak jujur apabila cuba bergantung kepada perlindungan di bawah s. 21A Akta itu walaupun pada peringkat permulaannya tidak pernah membangkitkan isu perlindungan ini. Pemohon bergantung kepada keputusan *Chua Kia Voon* (*supra*) yang memutuskan pemohon berhak untuk mendapatkan dokumen di mana percakapan pemohon diambil oleh pihak polis. Mahkamah ini turut dirujuk kes-kes yang mengikuti keputusan *Chua Kia Voon* (*supra*) dalam isu yang sama iaitu *Lim Keat Lee lwn. Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors* [2020] 1 LNS 1922; *Poa Jac Ky v. Deputy Home Minister, Malaysia & Anor* [2020] 1 LNS 1410; dan *Chong Meng Siang lwn. Lembaga Pencegahan Jenayah Malaysia & Yang Lain* [2020] 1 LNS 1208.

Penghujahan Oleh PP Yang Terpelajar

[86] PP yang terpelajar secara ringkasnya menghujahkan Akta itu tidak memperuntukkan responden-responden membekalkan dokumen-dokumen yang dipohon oleh pemohon (*Lee Kwe Sang* (*supra*). Dokumen yang membabitkan peringkat siasatan mengandungi perkara sulit yang tidak boleh didedahkan dan merujuk perlindungan yang diberikan di bawah s. 21A Akta itu. PP yang terpelajar menghujahkan pemohon telah dibekalkan dokumen-dokumen yang perlu bagi maksud per. 151(3) Perlembagaan Persekutuan iaitu perintah tahanan, pengataan fakta dan asas alasan dan Borang I untuk representasi telah pun dipatuhi oleh responden-responden. Pemohon mempunyai peluang yang mencukupi untuk mengemukakan representasi di hadapan Lembaga Penasihat. Mahkamah ini dirujuk kes *Yoganathan Rengen lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Yang Lain* [2020] 1 LNS 2030; [2020] MLJU 2280 sebagai nas sandarannya berkaitan isu dokumen.

Pendapat Mahkamah Ini

[87] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PP yang terpelajar iaitu mengikut Akta itu, tiada peruntukan khusus yang membolehkan pemohon memohon dokumen-dokumen yang dihujahkan. Dalam kes *Chua Kian Voon* (*supra*) ia melibatkan dokumen yang disediakan oleh pegawai inkuiri dan mengikut s. 14 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 [ALLPK], pegawai inkuiri atau Menteri mempunyai budi bicara untuk tidak mendedahkan dokumen atas alasan bercanggah dengan kepentingan negara.

[88] Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Chua Kian Voon* (*supra*), Mahkamah Persekutuan mendapati afidavit pegawai inkuiri tidak mencukupi untuk berlindung di bawah s. 14 ALLPK. YAA Mohd Zawawi Salleh HMP ada menyentuh dalam penghakimannya seperti berikut:

> [54] It would appear that the section allows the inquiry officer the general right to withhold disclosure or production of any document including the appellant's recorded statement. The operative words of that section are found in the last two lines where the relevant persons need not disclose documents, "if they consider it against the national interest to disclose or produce".
>
> [55] We had perused the evidence on record **and found no reason was proffered by the inquiry officer, especially in her affidavit in reply dated 13 September 2018, why she thought it would be against national interest to disclose or produce to the appellant his recorded statement**.
>
> (penekanan ditambah)

[89] Berbalik kepada kes pemohon, mahkamah ini berpendapat afidavit Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam dan Abdul Rasid bin Sudin secara terperinci memberikan penjelasannya untuk tidak mendedahkan atau membekalkan dokumen yang dipohon oleh pemohon. Mahkamah ini berpendapat ia selaras dengan peruntukan s. 21A Akta itu yang memberi perlindungan kepada responden-responden. Bagi kemudahan rujukan, diperuntukkan s. 21A Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> s. 21A Nothing in this Act or in any regulations made under this Act shall require the Board, any member of the Board, any Inquiry Officer or any public servant to disclose facts or to produce documents which he considers:
>
> (a) to be against the public interest to disclose or produce; or
>
> (b) would compromise the protection of a witness, or his family or associates

[90] Mahkamah ini berpendapat pemohon telah pun dibekalkan perintah tahanan tersebut, pengataan fakta dan alasan-alasan bagi maksud representasi per. 151(3) Perlembagaan Persekutuan. Pemohon juga telah diserahkan Borang 1 bagi membolehkan representasi dibuat di hadapan Lembaga Penasihat sebagaimana diperuntukkan bawah peraturan 3, Peraturan-Peraturan itu. Mahkamah ini tidak berhasrat untuk menyentuh kes-kes yang dirujuk oleh peguam pemohon yang terpelajar kerana ia berbeza fakta kesnya dengan kes pemohon. Mahkamah ini sependapat dan bersetuju dengan penghakiman dalam kes *Yoganatahan Rengen* (*supra*) dalam merungkai isu yang sama. Mahkamah ini berpendapat isu (v)(a) ini tidak bermerit dan ditolak.

Bagi Isu v(b):

Penghujahan Oleh Peguam Yang Terpelajar

[91] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan Lembaga Penasihat gagal mengeluarkan sepina ke atas Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam, merupakan pegawai penyiasat kes pemohon semasa pendengaran representasi di hadapan Lembaga Penasihat pada 2 Disember 2020. Kegagalan mengeluarkan sepina atas pegawai ini bercanggah dengan peraturan 8A, Peraturan-Peraturan (Pindaan) itu. Mahkamah ini dirujuk kes-kes *Chong Meng Siang* (*supra*) dan Permohonan Jenayah No: BA-44-244-07-2020, *Subramaniam a/l Mariappan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Lain-Lain* sebagai nas sandarannya. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan alasan sepina tidak diproses kerana tidak lengkap sukar diterima.

Penghujahan Oleh PP Yang Terpelajar

[92] PP yang terpelajar menghujahkan Lembaga Penasihat mempunyai budi bicara di bawah peraturan 8A, Peraturan-Peraturan (Pindaan) itu. Mahkamah ini dirujuk nas-nas duluan iaitu *Lock Wee Kock v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor* [1993] 4 CLJ 211; *Yap Chian Loon lwn. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia* [2007] 1 LNS 198; [2007] MLJU 399 dan *Chua Kian Voon* (*supra*) yang memutuskan perkataan "may" bermaksud bukannya mandatori. PP yang terpelajar selanjutnya menghujahkan Lembaga Penasihat di bawah peraturan 8A, Peraturan-Peraturan (Pindaan) itu mempunyai budi bicara yang luas dan tidak boleh dipaksa untuk mengeluarkan sepina sebagaimana yang cuba dihujahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar (*Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v. Ong Beng Chuan* [2006] 4 CLJ 703). PP yang terpelajar menghujahkan peguam pemohon yang terpelajar dalam suratnya kepada Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam (eks."FFL-6") meminta kehadiran pendengaran pada 2 November 2020. Sepatutnya tarikh sebenar pendengaran representasi di hadapan Lembaga Penasihat pada 2 Disember 2020. PP yang terpelajar menarik perhatian kepada kes *Lim Wen Jeng v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2009] 1 CLJ 686 yang memutuskan Lembaga Penasihat tidak boleh dipaksa untuk mengeluarkan sepina kepada mana-mana saksi. Keputusan *Lim Wen Jeng* (*supra*) melibatkan kuasa Lembaga Penasihat di bawah s. 9 Emergency (Public Order And Prevention Of Crime) Ordinance 5, 1969 (Ordinan 1969) (in *pari materia* dengan peraturan 8A, Peraturan-Peraturan (Pindaan) itu) diikuti dalam kes *L Rajanderan R Letchumanan* (*supra*). PP yang terpelajar turut merujuk kes-kes mutakhir yang memutuskan isu sepina iaitu *Teo Wei Ping v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & 2 Lagi* (Rayuan Jenayah No: 05(HC)-159-11-2020 (B)) dan *Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Yang Lain v. Krishnan Muniandy* (Rayuan Jenayah No: 05(HC)-91-09-2020(B)).

A *Pendapat Mahkamah Ini*

[93] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu (v)(b) dengan lebih lanjut, eloklah dirujuk peruntukan peraturan 8A, Peraturan-Peraturan (Pindaan) itu yang memperuntukkan kuasa Lembaga Penasihat untuk mengeluarkan sepina atas saksi-saksi semasa persidangan representasi. Peraturan 8A berbunyi
B seperti berikut:

> For the purposes of these Regulations, the Advisory Board may summon and examine any witnesses, administer the oaths or affirmations and compel the production of any documents.

C **[94]** Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PP yang terpelajar perkataan "may" di dalam peraturan 8A, Peraturan-Peraturan (Pindaan) itu menunjukkan ia bukannya mandatori sebagaimana yang ditafsirkan dalam nas duluan. Mahkamah ini berpendapat ia memadai merujuk kes *Chua Kian Voon* (*supra*), Mahkamah Persekutuan ada merungkai seperti berikut:

D > *[46] In Lock Wee Kock v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor [1993] 4 CLJ 211; [1993] 3 MLJ 691, the facts were very similar to the present case where the appellant was arrested and detained by the police under s. 3(1) of the 1985 Act. In determining whether a provision is mandatory or otherwise, the Supreme Court had this to say:*
>
> E > *The use of the word 'may' and 'shall' has led to some confusion in the interpretation of provision of a statute. In ordinary usage, the word 'may' is permissive and the word 'shall' is imperative. The courts have always construed these words with reference to the context in which it is used. In order to find out whether these words are being used in a directory or mandatory sense, the intent of the legislature should be looked into, along with the*
> F > *pertinent circumstance. If it appears to be the settled intention of the legislature to convey the sense of compulsion, then whether the word 'may' or 'shall' is used, it has mandatory effect. Perhaps the task or the court in interpreting these words would be solved if the Interpretation Acts 1948 and 1967 (consolidated and revised 1989) were to contain such provisions as that found in s. 37 of the Barbados Interpretation Act:*
>
> G > *- Laws of Barbados Cap 1 which states;*
>
> *In an enactment passed or made after 16 June 1996, the expression 'shall' shall be construed as imperative and the expression 'may' as permissive and empowering.*
>
> (penekanan ditambah)

H **[95]** Mahkamah ini berpendapat Lembaga Penasihat di bawah peraturan 8A, Peraturan-Peraturan (Pindaan) itu mempunyai budi bicara untuk mengeluarkan sepina atas saksi yang dipohon oleh pemohon. Dalam kes semasa, pemohon memohon sepina dikeluarkan atas Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam (responden pertama). Secara analogi mahkamah ini
I sependapat dan merujuk kes *Lim Wen Jeng* (*supra*) antara lainnya memutuskan Lembaga yang ditubuhkan di bawah s. 9 Ordinan 1969 tidak

boleh dipaksa untuk mengeluarkan sepina kepada saksi-saksi bagi tujuan pendengaran. Mahkamah ini telah meneliti afidavit yang diikrarkan oleh Jasmawani bte Ibrahim, Setiausaha kepada Lembaga Penasihat di perenggan 23 telah memberitahu pemohon untuk menguruskan sendiri permohonan sepina saksi-saksi yang lain iaitu Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam. Beliau dalam afidavitnya menyatakan:

> 23 ... Seterusnya saya juga ingin menyatakan bahawa berhubung dengan permohonan saksi-saksi yang lain, jika saksi tersebut berstatus penjawat awam, pihak peguam pemohon hendaklah berurusan dengan Ketua Jabatan yang bertanggungjawab ke atas pegawai berkenaan dan segala kos kehadiran saksi bagi tujuan representasi pemohon akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak peguam pemohon ...

[96] Mahkamah ini turut menimbangkan surat peguam pemohon yang terpelajar iaitu eks."FFL-6" yang mencatatkan tarikh yang salah pendengaran representasi di Lembaga Penasihat. Surat "FFL-6" mencatatkan 2 November 2020, tarikh yang sebenarnya ialah 2 Disember 2020. Walaupun begitu, Setiausaha, Lembaga Penasihat telah memberitahu peguam pemohon yang terpelajar untuk menguruskan sendiri saksi Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam. Ketiga-tiga saksi orang awam yang lainnya iaitu Teng Siew Lian, Lim Swee Chuan dan Tay Zi Sheng telah dipanggil semasa pendengaran representasi di hadapan Lembaga Penasihat.

[97] PP yang terpelajar telah merujuk kes-kes Mahkamah Persekutuan yang tidak dilaporkan iaitu *Teo Wei Ping* (*supra*) dan *Krishnan a/l Muniandy* (*supra*) berkaitan isu (v)(b) ini. Walaupun begitu tanpa penghakiman penuh disediakan oleh Mahkamah Persekutuan, ianya tidak boleh dirujuk sebagai nas authoritative. Mahkamah ini merujuk kes *Tirumeniyar Singara Veloo v. Malaysian Motor Insurance Pool* [2017] 8 CLJ 682 di mana YA Hamid Sultan Abu Backer HMR menyatakan:

> [20] In our view, the learned trial judge ought not have given consideration to a decision of the Federal Court where no grounds have been given. It was only mentioned in the editorial note. No reasonable tribunal properly appraised with the case of *Saw Poh Wah* will be in a position to say on what grounds the appeal was allowed by the Federal Court taking into consideration the facts of the case and court proceedings are not similar to the instant case and that case had to do with consent order and subsequent enforcement as opposed to this case seeking a declaration. The difference is one of an apple and orange.

[98] Mahkamah ini berpendapat isu (v)(b) ini tidak memihak kepada pemohon. Pemohon telah pun diberi hak yang mencukupi semasa mengemukakan representasi di hadapan Lembaga Penasihat. Kegagalan Lembaga Penasihat mengemukakan sepina ke atas responden pertama, ia tidak menjejaskan keseluruhan proses representasi dan sekali gus tidak bercanggah dengan per. 151(3) Perlembagaan Persekutuan.

Bagi Isu (v)(c):

Penghujahan Oleh Peguam Pemohon Yang Terpelajar

[99] Secara ringkasnya peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan kehadiran ASP Rasha Azwadi bin Shafii [ASP Rasha] semasa pendengaran representasi di hadapan Lembaga Penasihat pada 2 Disember 2020 bercanggah dengan peraturan 5(4) dan peraturan 9(1) Peraturan-Peraturan itu. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan ASP Rasha secara aktif terlibat dalam pendengaran representasi dan ini memprejudiskan pemohon. Mahkamah ini dirujuk kes *Praveeinrahj Senthilvasan lwn. Lembaga Pencegahan Jenayah & Satu Lagi* [2020] 1 LNS 487 dan *Vimal Raj Kumarasamy v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2017] 1 LNS 2081 sebagai nas-nas sandarannya berkaitan isu ini.

Penghujahan Oleh PP Yang Terpelajar

[100] PP yang terpelajar menghujahkan Lembaga Penasihat mempunyai budi bicara untuk mengendalikan pendengaran representasi termasuklah membenarkan ASP Rasha hadir pada pendengaran 2 Disember 2020. Peraturan 9, Peraturan-Peraturan itu memberi budi bicara kepada Lembaga Penasihat untuk membenarkan ASP Rasha hadir membantu dalam pendengaran representasi pemohon. Peraturan 5(4), Peraturan-Peraturan itu memberi budi bicara kepada Lembaga Penasihat untuk membenarkan kehadiran Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya semasa pendengaran representasi pemohon. Mahkamah ini dirujuk kes *Tan Kiat Wei v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2018] 1 LNS 399 sebagai nas sandarannya berkaitan isu (v)(c) ini.

Pendapat Mahkamah Ini

[101] Mahkamah ini berpendapat peraturan 9, Peraturan-Peraturan itu memberi budi bicara yang luas kepada Lembaga Penasihat untuk menetapkan apakah tatacara yang perlu dipatuhi semasa pendengaran representasi. Budi bicara ini termasuklah membenarkan pegawai polis hadir semasa pendengaran dalam konteks kes pemohon ialah ASP Rasha. Kehadiran ASP Rasha ini dibenarkan mengikut peraturan 9(2)(b), Peraturan-Peraturan itu yang berbunyi seperti berikut:

> (2) Without prejudice to the generality of subregulation (1), the Advisory Board may, having regard to considerations of security, public interest or the need to protect a witness or the family or associates of the witness, determine:
>
> (a) whether the evidence of any witness should be heard in the presence of a detained person or his advocate or both;
>
> **(b) whether any police officer should be required to appear before the Advisory Board in the presence of a detained person or his advocate or both; or**
>
> (penekanan ditambah)

[102] Mahkamah ini berpendapat kehadiran ASP Rasha semasa pendengaran representasi pada 2 Disember 2020 ada dijelaskan dalam afidavit Setiausaha, Lembaga Penasihat di perenggan 22 yang menyatakan:

> 22 … Saya sesungguhnya menyatakan Lembaga Penasihat telah menggunakan budibicaranya di bawah Peraturan 9(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014 dalam menentukan tatacara dan pengendalian prosiding pendengaran representasi pemohon dengan memanggil Asisten Superintenden Polis Rasha Azwadi bin Shafii untuk membentangkan fakta kes pemohon di hadapan Lembaga Penasihat. Saya menegaskan bahawa Peraturan 5(4) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014 memperuntukan Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya "boleh" hadir semasa pendengaran representasi untuk membantu Lembaga Penasihat adalah suatu kehendak prosedur yang bersifat direktori dan tidak menghalang Lembaga Penasihat untuk memanggil Pegawai Polis untuk membentangkan fakta pemohon. Oleh itu, dengan menggunakan budibicaranya di bawah Peraturan 9(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014 untuk memanggil memanggil Asisten Superintenden Polis Rasha Azwadi bin Shafii untuk membentangkan fakta kes pemohon di hadapan Lembaga Penasihat, tindakan Lembaga Penasihat adalah teratur dan mengikut undang-undang. Justeru, dakwaan peguam pemohon dalam perenggan-perenggan tersebut adalah tidak berasas.

[103] Mahkamah ini berpendapat kehadiran ASP Rasha sama sekali tidak menjejaskan pemohon semasa persidangan representasi di hadapan Lembaga Penasihat. Mahkamah ini berkongsi pandangan dan bersetuju dengan penghakiman YA Mohd Yazid Haji Mustafa H dalam kes *Amirul Syuib Sulaiman lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Yang Lain* [2021] 1 LNS 226 ada menzahirkan pandangannya seperti berikut:

> [49] Berasaskan dapatan fakta di perenggan 48, saya mendapati kehadiran ASP Rasha Azwadi bin Shafi pada sesi representasi bukanlah atas kapasiti atau bertindak sebagai Timbalan Pendakwa Raya. Oleh itu Peraturan 5(4) Paraturan-peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) tidak terpakai.

[104] Mahkamah ini berpendapat isu (v)(c) ini tidak bermerit dan kehadiran ASP Rasha tidak menyebabkan persidangan representasi di hadapan Lembaga Penasihat bercanggah dengan peraturan 5(4) Peraturan-Peraturan itu.

Bagi Isu (vi):

(Isu (vi) ini lebih kepada Permohonan Jenayah No: JA-44-8-01-2021)

Penghujahan Oleh Peguam Pemohon Yang Terpelajar

[105] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan berlakunya kelewatan 25 hari pegawai penyiasat mengemukakan laporan lengkap kepada LPJ terjumlah kepada ketidakpatuhan peruntukan s. 3 dan s. 4A Akta itu.

A Alasan-alasan kelewatan yang diberikan melalui afidavit yang diikrarkan oleh Inspektor Suhaimi bin Zainal Anuar bersifat pentadbiran dan ia tidak boleh diterima sebagai alasan kelewatan.

[106] Selanjutnya dihujahkan berlaku kelewatan di pihak pegawai inkuiri selama 22 hari untuk memulakan inkuiri atas pemohon. Seterusnya berlaku
B kelewatan 12 hari dalam menyediakan laporan inkuiri dan ini menyebabkan ketidakpatuhan kepada s. 9 dan s. 10 Akta itu. Alasan-alasan kelewatan yang diberikan oleh pegawai inkuiri KDN iaitu Nor Asyikin bte Nor Azhar bersifat pentadbiran dan tidak boleh diterima.

C *Penghujahan Oleh PP Yang Terpelajar*

[107] PP yang terpelajar menghujahkan peruntukan s. 4A Akta itu tidak menetapkan tempoh masa tertentu bagi pegawai penyiasat mengemukakan laporan lengkap ke LPJ. Kelewatan ini telah diperjelaskan dalam afidavit pegawai penyiasat. Begitu juga s. 9 dan s. 10 Akta itu tidak memperuntukkan
D tempoh masa tertentu untuk pegawai inkuiri menyiapkan laporan inkuiri ke LPJ. Afidavit pegawai inkuiri telah memberikan alasan-alasan kelewatan. PP yang terpelajar pada akhirnya menghujahkan tiada ketidakpatuhan prosedur sebagaimana yang dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar.

Pendapat Mahkamah Ini

E **[108]** Mahkamah ini telah menimbangkan fakta pegawai penyiasat mengemukakan laporan lengkap kepada pegawai inkuiri pada 6 Ogos 2020. Pada 18 Ogos 2020, pegawai penyiasat mengemukakan laporan lengkap kepada LPJ. Mahkamah ini telah meneliti alasan-alasan di perenggan 13, afidavit pegawai penyiasat yang memberikan penjelasan kelewatan
F menyediakan dan menyerahkan laporan lengkap kepada LPJ. Mahkamah ini berpendapat alasan-alasan yang diberikan di perenggan 13 munasabah dan diterima.

[109] Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 4A Akta itu yang memperuntukkan:
G

> 4A. Report of investigation to be submitted to Inquiry Officer, etc.
>
> The police officer making an investigation pertaining to a person arrested under subsection 3(1) shall cause a copy of the complete report of the investigation to be submitted to an Inquiry Officer and the Board, **within such period as may be prescribed by the Minister**.
>
> (penekanan ditambah)

H

[110] Mahkamah ini berpendapat s. 4A Akta itu tidak memperuntukkan tempoh masa bagi pegawai penyiasat mengemukakan laporan lengkap kepada pegawai inkuiri dan LPJ. Mahkamah ini bersetuju dan sependapat dengan
I YA Mohd Radzi Harun PK dalam kes *Doraisamy Raju v. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors* [2019] 1 LNS 1326 yang memutuskan s. 4A Akta itu tiada had masa diperuntukkan.

[111] Mahkamah ini merujuk kes *Kanagasingam Anantham v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2019] 7 CLJ 600 ada menyentuh isu tempoh masa melibatkan pegawai inkuiri menyerahkan laporan bertulisnya kepada Menteri Dalam Negeri dalam konteks peruntukan s. 5(4) Akta Dadah Berbahaya [Langkah-Langkah Pencegahan Khas] 1985 [ALLPK]. Peruntukan s. 5(4) ALLPK memperuntukkan seperti berikut:

> s. 5(4) An Inquiry Officer shall submit his report in writing to the Minister **within such period as may be prescribed by the Minister by regulations made under this Act**. (penekanan ditambah)

[112] Mahkamah ini bersetuju dan sependapat dengan YA Kamaludin Md Said HMR dalam menggarap isu tempoh masa seperti berikut:

> [25] The same principle applies to s. 3(3) of the SPM Act where the investigating report by the investigation officer under s. 3(2) of the SPM Act must be submitted to the inquiry officer and the Minister within such period as may be prescribed by the Minister by regulations made under the Act. The period is never prescribed by the Minister by the regulation. Hence, there is no time regulated for the investigating report to be submitted to the inquiry officer and Minister.

[113] YA selanjutnya menegaskan memandangkan Menteri tidak menetapkan tempoh masa bagi maksud s. 5(4) dan s. 3(3) ALLPK, peruntukan s. 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 tidak timbul. Mahkamah ini merujuk penghakimannya yang menyatakan:

> [27] In our view, para. (d) of sub-s. (2) is the relevant power for the Minister to prescribe time frame for the investigation report to be submitted by the inquiry officer to the Minister under s. 3(3) and for the inquiry officer to submit the inquiry report to the Minister under s. 5(4) of the SPM Act. *The Minister does not make any regulation to prescribe such time or period for ss. 3(3) and 5(4) of the SPM Act. When there is no regulation by the Minister to prescribe time, it cannot be said that the law has imposed a duty on inquiry officer to submit the report within the prescribed time.* Section 54(2) of the of the Interpretation Acts 1948 and 1967 (Act 388) only applies when the prescribed occasion arises. In the present case, the prescribed occasion never arose because there is no regulation to prescribe time.
>
> (penekanan ditambah)

[114] Mahkamah ini bersetuju dengan pengamatan YA Hakim yang sama apabila menzahirkan pandangannya:

> [44] Based on the aforesaid, it was our decision that the complaint by the appellant that there was a delay of 26 days by the inquiry officer to submit her report to the deputy Minister under s. 5(4) of the SPM Act had no merit. Section 5(4) of the SPM Act does not impose a duty on the inquiry officer to submit the inquiry report to the Deputy Minister within certain time. *The words 'within such period' has not been prescribed by the Minister by regulation. It was our view that as long as the Deputy Minister had received the said report and considered it and did not make the restriction order outside the 60 days*

A *prescribed under s. 3(2) of the SPM Act, the order made by the Deputy Minister was valid and enforceable. Since we had found that there was no issue pertaining to the submission of the report of the inquiry officer under s. 5(4) of the SPM Act, the contention by the appellant that there was no affidavit explaining the delay in submitting the report did not arise.*

B (penekanan ditambah)

[115] Berpandukan prinsip kes *Kanagasingam Anantham* (*supra*), mahkamah ini berpendapat peruntukan s. 4A Akta itu, Menteri tidak menetapkan tempoh masa kepada pegawai penyiasat untuk mengemukakan laporan lengkap kepada LPJ. Mahkamah ini berpendapat tiada ketidakpatuhan C prosedur sebagaimana yang cuba dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar.

[116] Mahkamah akan beralih kepada isu kelewatan pegawai inkuiri memulakan inkuiri atas pemohon dan juga kelewatan menyediakan laporan inkuiri kepada LPJ. Pada 6 Ogos 2020 pegawai inkuiri ada menerima D laporan lengkap daripada pegawai penyiasat. Pegawai inkuiri menyerahkan laporan inkuiri kepada LPJ pada 8 September 2020. Mahkamah ini telah meneliti alasan-alasan kelewatan di perenggan 12 afidavit pegawai inkuiri yang menyatakan mengapa pada 27 Ogos 2020 inkuiri baru boleh dimulakan atas pemohon. Mahkamah ini menerima alasan-alasan yang diberikan. E Perenggan 16 afidavit pegawai inkuiri telah memberikan alasan-alasan kelewatan menyediakan laporan inkuiri. Mahkamah ini menerima alasan-alasan kelewatan ini.

[117] Mahkamah ini merujuk peruntukan s. 9(1) Akta itu dan s. 10(2) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

F

s. 9(1) Upon receiving a complete report of the investigation under section 4A, an Inquiry Officer shall inquire and **report in writing to the Board whether there are reasonable grounds for believing that the person is a member of any of the registrable categories**.

G

s. 10(2) If the Inquiry Officer is satisfied that there are reasonable grounds for believing that the person who was the subject of the inquiry is a member of any of the registrable categories, **he shall report the grounds, together with his finding, to the Board**. (penekanan ditambah)

[118] Mahkamah ini berpendapat peruntukan s. 9(1) Akta itu dan s. 10(2) Akta itu tidak memperuntukkan tempoh masa tertentu untuk mengemukakan H laporan inkuiri kepada LPJ. Mahkamah ini berpendapat pegawai inkuiri telah mematuhi prosedur s. 9(1) Akta itu dan s. 10(2) Akta itu.

[119] Mahkamah ini pada akhirnya berpendapat isu (vi) ini tidak memihak pemohon bagi mencabar perintah tahanan tersebut.

I

Kesimpulan

[120] Mahkamah ini berpendapat berpandukan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini berpendapat semua isu-isu yang dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar tidak bermerit melainkan ketidakpatuhan s. 4(3) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat terdapat ketidakpatuhan s. 4(3) Akta itu khasnya kegagalan responden-responden memberitahu hak pemohon untuk berhubung dengan saudara atau kawan yang diperuntukkan dalam s. 28A(2)(a) KTJ.

[121] Mahkamah ini membenarkan permohonan pemohon di lampiran (1) dan lampiran (12). Mahkamah memerintahkan writ of *habeas corpus* dikeluarkan ke atas pemohon. Pemohon diperintahkan untuk dibebaskan dengan serta merta.

[122] Keputusan Permohonan Jenayah No: JA-44-7-01-2021 mengikat kes yang lainnya iaitu Permohonan Jenayah No: JA-44-8-01-2021. Pemohon Lee Yuen Zhing diperintahkan untuk bebas serta merta.